

POTENSI PULAU TUBA, LANGKAWI SEBAGAI
PRODUK PELANCONGAN WARISAN

NURUL SYUHADAH BINTI ABDUL RASHID

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

POTENSI PULAU TUBA SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN WARISAN

**OLEH:
NURUL SYUHADAH BINTI ABDUL RASHID**

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat Kelayakan
Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & WARISAN**

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



Tandatangan Penyelia Utama



NURUL SYUHADAH BINTI

DR. NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI

ABDUL RASHID

(990610-02-6562)

Tarikh: 24/2/2022

Tarikh: 27/2/2022

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS CERTIFICATE

I hereby certify that the work contained in this thesis is the result of original research and has never been submitted by a higher degree to any University or institution.

OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972)*

RESTRICTED (Contains limited information set by the organization where the research is conducted)*

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan has the following rights:

1. Thesis is the property of Universiti Malaysia Kelantan.
2. Universiti Malaysia Kelantan Library has the right to make copies for study purposes only.
3. Libraries are allowed to make copies of this thesis as exchange material between educational institutions

Signature

Signature of Principal Supervisor

NURUL SYUHADAH BINTI

DR. NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI

ABDUL RASHID

(990610-02-6562)

Date: 24/2/2022

Date: 27/2/2022

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmatnya-Nya yang dianugerahkan kepada saya dalam menyempurnakan Projek Penyelidikan ini dengan lancar dan jayanya bagi memenuhi sebahagian daripada syarat pengijazahan Sarjana Muda pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi selaku penyelia Projek Penyelidikan yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sehingga saya menyiapkan kajian ini dengan baik. Beliau juga banyak membantu dalam menyelesaikan masalah dan memberi maklum balas yang cepat bagi memudahkan laporan dibuat dengan baik.

Selain itu, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada keluarga terutamanya ibu bapa dan adik-beradik yang sangat membantu dalam memberi nasihat dan sokongan moral yang tinggi serta bantuan dalam kewangan dalam menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu dan memberi pendapat serta idea.

Akhir sekali, penghargaan ini juga saya ucapkan kepada penduduk Kampung Pulau Tuba, Langkawi yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses kajian penyelidikan ini dijalankan kerana tanpa bantuan kalian Projek Penyelidikan ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua responden yang telah banyak memberi maklumat dalam kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

POTENSI PULAU TUBA, LANGKAWI SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN

WARISAN

ABSTRAK

Industri pelancongan negara Malaysia telah berkembang pesat sejak hampir 3 dekad yang lalu. Pada peringkat awal, perkembangan pelancongan bermula dengan zon pinggir pantai yang telah menjadi daya tarikan utama industri pelancongan negara. Walaupun pada zaman sekarang banyak destinasi pelancongan lain yang pelbagai telah dibangunkan, kawasan pinggir pantai tetap menjadi tumpuan bukan hanya oleh pelancong dari luar negara, tetapi pelancong domestik juga. Oleh hal yang demikian, kemajuan industry ini serta kepentingannya dalam menjana ekonomi masyarakat setempat, pengusaha dan negara namun impaknya negatifnya terhadap zon pantai juga sedang meningkat. Hal ini kerana, zon pinggir pantai adalah satu zon bukan hanya paling dinamik tetapi juga rapuh. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejarah dan perkembangan Pulau Tuba, mengkaji potensi Pulau Tuba sebagai salah satu produk pelancongan warisan dan membincangkan strategi dan usaha mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah temubual dan kajian kepustakaan. Hasil daripada penelitian terhadap potensi Pulau Tuba sebagai produk pelancongan warisan ini mendapati masih terdapat warisan yang dikekalkan dan menjadi tempat pelancongan buat pengunjung. Selain itu, pengkaji dapat mengetahui tentang warisan alam semulajadi yang masih dipelihara oleh penduduk setempat dan pihak berkepentingan supaya boleh dijadikan sebagai sektor pelancongan dan usaha yang telah dijalankan oleh masyarakat setempat dan pihak kerajaan dalam mempromosikan Pulau Tuba.

Kata kunci: pelancongan warisan, tapak warisan, masyarakat

MALAYSIA

KELANTAN

POTENTIAL OF PULAU TUBA ISLAND, LANGKAWI AS A HERITAGE

TOURISM PRODUCT

ABSTRACT

Malaysia's tourism industry has grown rapidly over the past three decades. In the early stage, the development of tourism began with the coastal zone which has become the main attraction of the country's tourism industry. Although nowadays many other diverse tourist destinations have been developed, the coastal areas remain the focus not only by tourists from abroad, but domestic tourist as well. Therefore, the progress of this industry and its importance in generating the economy of local communities, entrepreneurs and the country, but negative impact on the coastal zone is also increasing. This is because the coastal zone is a zone not only the most dynamic but also fragile. Therefore, this study aim to identify the history and development of Tuba Island, examine the potential of Tuba Island as one of the heritage tourism products and discuss strategies and efforts to promote Tuba Island as one of the heritage tourism product and discuss strategies and efforts to promote Tuba Island to the outside community. The research method used is a qualitative method that involves interviews and literature review. The results of the study on the potential of Tuba Island as a heritage tourism product found that there is still a heritage that is preserved and becomes a tourist destination for visitors. In addition, researchers are easy to find out about the natural heritage that is still preserved by local residents and stakeholders so that it can be used as a tourism sector and efforts that have been carried out by the local community and the government in promoting Tuba Island.

Keywords: heritage tourism, heritages sites, communities

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
THESIS DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI PETA	xi
SENARAI CARTA	xi
SENARAI KEPENDEKKAN	xii
BAB I PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Kerangka Teori	9
1.8 Kesimpulan	10

BAB II	KAJIAN LITERATUR	
2.0	Pengenalan	12
2.1	Sorotan Kajian Lepas	13
2.2	Pembangunan Pelancongan Secara Umum	13
2.3	Pelancongan di Negeri Kedah	15
2.4	Pembangunan Pelancongan Di Langkawi	17
2.5	Pertambahan Bilangan Pelancong Ke Pulau Tuba	18
2.6	Kesimpulan	19
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	21
3.1	Rekabentuk Kajian	22
3.2	Unit Analisis	22
3.3	Kaedah Kajian	22
3.4	Teknik Pengumpulan Data	24
	3.4.1 Data Primer	24
	3.4.2 Data Sekunder	27
3.5	Analisis Data	29
3.6	Persampelan	39
3.7	Kesimpulan	30

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	31
4.1	Analisis Data	32
4.2	Sejarah Dan Perkembangan Pulau Tuba	37
	4.2.1 Sejarah Khusus Tentang Pembentukan Tuba	38
	4.2.2 Pulau Tuba Mula Dikenali Dan Dikunjungi Oleh Pelancong	40
4.3	Potensi Pulau Tuba Sebagai Produk Pelancongan Warisan	42
	4.3.1 Kedatangan Pelancong Ke Pulau Tuba	44
4.4	Strategi Dan Usaha Mempromosikan Pulau Tuba Kepada Masyarakat Luar	47
	4.4.1 Orang Terpenting Dalam Mempromosikan Pulau Tuba Kepada Masyarakat Luar	49
	4.4.2 Mempromosikan Keindahan Pulau Tuba	52
	4.4.3 “Tour Guide” Memainkan Peranan Yang Penting Dalam Mempromosikan Pulau Tuba	55
	4.4.4 Pelancong Yang Menjadikan Pulau Tuba Lebih Terkenal	58
4.5	Kesimpulan	60

BAB V	PENUTUP	
5.0	Pengenalan	61
5.1	Perbincangan	63
5.2	Cadangan Dan Saranan	
	5.2.1 Cadangan Pengkaji Bagi Pelancongan Pulau Tuba	66
	5.2.2 Cadangan Kepada Pihak Kerajaan Terhadap Pelancongan Pulau Tuba	68
5.3	Kesimpulan	69
	RUJUKAN	71
	LAMPIRAN	74

SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR		HALAMAN
Gambar 1	Temubual Bersama Responden	24
Gambar 2	Batu Kapur, Pulau Tuba	45
Gambar 3	Pantai Bagan Asam, Pulau Tuba	46
Gambar 4	Mee Udang Popular Di Pulau Tuba	46
Gambar 5	Bot Yang Dinaiki Pengunjung Ke Pulau Tuba	48
Gambar 6	Faridzuan Motel	51
Gambar 7	Tempat Menarik Di Pulau Tuba	54
Gambar 8	Tempat Untuk Aktiviti Lasak	57

SENARAI PETA

NO. PETA		HALAMAN
Peta 1	Lokasi Kampung Pulau Tuba	7

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL		HALAMAN
JADUAL 1	Kod Responden Dan Peranan	34
JADUAL 2	Profil Responden Berdasarkan Jantina Bangsa Dan Kelulusan	35
JADUAL 3	Senarai Soalan Yang Diajukan	36

SENARAI KEPENDEKKAN

LADA	-	Pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi
MPLBP	-	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Sektor pelancongan adalah salah satu aktiviti yang dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada Malaysia. Pelancongan mempunyai banyak maksud mengikut pandangan dari pihak yang terlibat dalam industri pelancongan. Ini termasuklah, pelancong itu sendiri, organisasi penginapan dan pengangkutan, organisasi pendidikan, pihak kerajaan dan sebagainya lagi. Berdasarkan United Nations World Tourism Organization (UNWTO) secara rasminya pelancongan membawa maksud aktiviti orang melancong dan tinggal di tempat lain dari persekitaran biasa mereka tidak lebih dari satu tahun dan hanya untuk melakukan aktiviti santai, urusan perniagaan, dan tujuan lain.. Pelancongan tidak semuanya bertujuan untuk keseronokkan atau berhibur tetapi ia juga merangkumi aspek pelancongan perniagaan, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan dan lain-lain. (Joyce M. Hawkins, 2006).

Selain itu, maksud pelancongan ini boleh merujuk kepada aktiviti lawatan, melancong atau menerokai ke tempat lain yang lebih menarik. Pelancongan mempunyai banyak makna menurut pandangan pelbagai pihak yang terlibat dalam industri pelancongan. Di ambil dari perkataan Latin iaitu *turnare* dan juga Greek iaitu *turnos* yang membawa maksud pergerakan dalam suatu bulatan. Menurut Leiper (1981) beliau menerangkan pelancongan sebagai suatu sistem terbuka yang memiliki hubungan kait dengan kawasan persekitaran yang luas, elemen manusia iaitu sebagai pelancong, elemen kawasan iaitu kawasan asal, kawasan persinggahan sementara dan kawasan destinasi yang dipilih, termasuklah elemen ekonomi iaitu industri pelancongan dan

elemen dinamik yang terdiri daripada individu yang mengembara bagi tujuan berhenti seketika dari tempat asal mereka selama lebih kurang satu hari. Manakala pelancongan pula berasal daripada maksud lancong ataupun melancong berdasarkan pencarian melalui Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Keempat (2006) pelancongan dalam bahasa inggeris atau dikenali sebagai 'tourism' seterusnya melancong pula dikenali sebagai *journey* atau *travel*.

Di Malaysia terdapat banyak tempat yang dapat dijadikan sebagai tempat pelancongan. Tidak terkecuali juga di Kedah yang mana Pulau Langkawi merupakan sebuah tempat pelancongan yang sering dikunjungi dan dilawati oleh para pelancong. Pulau Langkawi merupakan antara daerah negeri Kedah. Pada tahun 1987, Pulau Langkawi telah mendapat status bebas cukai. Kini, pulau yang kaya dengan keindahan alam dan sejarah terdahulu ini telah menonjol sebagai salah satu daripada destinasi pelancongan yang paling popular di Malaysia. Pulau Langkawi merupakan sebuah pulau yang mana pulau ini merupakan yang terbesar berbanding Pulau Banggi dan Pulau Pinang. Langkawi juga merupakan sebuah kumpulan pulau yang telah terpisah dari tanah besar, Malaysia dan pulau utama terletak kira-kira 25 kilometer dari utara ke selatan dan sedikit ke arah timur dan barat.

Aktiviti pelancongan juga meningkatkan ekonomi bagi masyarakat Negeri Kedah yang mulanya hanya tertumpu pada aktiviti nelayan kepada aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan. Jika dahulu, masyarakat setempat hanya menumpukan kepada sektor pertanian sebagai sumber pendapatan tetapi kini telah berubah kepada sektor baru iaitu sektor perkhidmatan dan peranginan. Hal ini menunjukkan masyarakat setempat di Negeri Kedah khususnya di Langkawi mengambil peluang dalam menjadikan sesebuah tempat pelancongan lebih menarik supaya dikunjungi para pelancong dan dapat menjana pendapatan.

Seterusnya, setelah berkembangnya industri pelancongan yang memberangsangkan di Langkawi, kerajaan Kedah telah menumpukan perhatian yang lebih dalam menjadikan pelancongan sebagai salah satu ejen pertumbuhan ekonomi negeri. Salah satunya

adalah melalui eko-pelancongan iaitu meliputi kehijauan hutan dan kehidupan kampung. Eko-pelancongan biasanya meliputi kawasan gunung-ganang, pusat rekreasi dan hutan simpan.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pulau Langkawi, Kedah telah menjadi negeri yang semakin berkembang pesat terutamanya dalam sektor pelancongan setelah pengiktirafan sebagai zon bebas cukai sekaligus telah menjadikan Langkawi sebagai salah satu destinasi pelancongan terkemuka di peringkat antarabangsa. Langkawi merupakan sebuah penempatan masyarakat nelayan pada awalnya. Yang mana, masyarakat menjalankan aktiviti ekonomi utamanya dengan menangkap ikan di persisiran pantai dan menjalankan aktiviti pertanian. Setelah kunjungan pelancong ke Langkawi semakin meningkat sedikit sebanyak telah mencipta satu sumber ekonomi baru kepada penduduk setempat kerana telah menyebabkan Langkawi semakin diterima sebagai kawasan pelancongan. Disamping itu, dengan penyediaan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik dan jaringan telekomunikasi yang berkualiti tinggi.

Selain daripada keindahan Pulau Langkawi, di pulau ini juga mempunyai satu lagi pulau kecil yang telah dikenalpasti mampu menjadi salah satu tarikan kepada Langkawi iaitu dikenali sebagai Pulau Tuba. Berdasarkan kisah yang didengari daripada penduduk kampung yang merupakan orang asal Pulau Tuba, mereka menceritakan tentang sejarah terdahulu, orang pertama yang menjumpai Pulau Tuba ialah seseorang yang bernama Tok Bagus dan pengikut-pengikutnya sebelum zaman penjajahan Jepun yang berlaku di Tanah Melayu. Kemudian, Tok Bagus membuat keputusan dengan membuka tanah dan sebuah penempatan awal di Pulau Tuba dan diikuti oleh orang Utara Semenanjung untuk serta ke Pulau ini bagi memperolehi tanah dan membuka lebih banyak tanah baru. Pokok Tuba menjadi punca teretusnya idea dalam menamakan Pulau Tuba. Pada awalnya, pokok tuba ini digunakan oleh penduduk sekitar untuk meracun tanaman mereka pada sebarang gangguan binatang.

Kini, Pulau Tuba telah menjadi salah satu daripada pulau yang berpenghuni di Pulau Langkawi. Nama Pulau Tuba diambil daripada akar pokok Tuba yang banyak di pulau tersebut. Dari pandangan geografi Pulau Tuba merupakan sebuah pulau yang memiliki pergunungan dan dataran yang sangat sedikit. Selain itu, terdapat kehidupan semula jadi seperti hidupan yang jarang dilihat yang ada di Pulau Tuba. Ini telah menjadikan Pulau Tuba tempat yang sesuai untuk melihat burung dan ‘jungle-tracking’ yang terdapat disitu. Perkara yang paling menarik ialah aktiviti mendaki bukit melalui hutan tebal dan mengambil gambar cara hidupan liar dan melihat sendiri keindahan alam yang terpampang di depan mata. Oleh itu, Pulau Tuba boleh dijadikan tempat merehatkan minda dan menikmati pemandangan tropika untuk para pelancong.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian merupakan isu dan juga perkara yang ingin dikaji dalam suatu penyelidikan. Kajian yang dilakukan adalah secara umumnya mengenai potensi Pulau Tuba, Langkawi sebagai produk pelancongan warisan. Secara umumnya Pulau Langkawi dikenali sebagai pulau yang menjadi daya tarikan dan tumpuan pelancong di Kedah kerana terdapat tempat bersejarah dan merupakan tempat pelancongan yang menarik terutama di Pekan Kuah dan beberapa tempat menarik yang berkaitan dengan sejarah Langkawi seperti Beras Terbakar, Padang Matsirat, Perigi Tujuh, Pulau Dayang Bunting dan Makam Mahsuri. Melalui kisah sejarah tersebut pengkaji dapat mengenalpasti tujuan utama kajian ini dilaksanakan dalam mencari lebih banyak keistimewaan warisan yang terdapat di Pulau Tuba.

Namun begitu, pelancong hanya menuju kearah kawasan yang sememangnya menjadi tumpuan semua pelancong dan tidak cuba untuk menerokai sesuatu tempat yang jarang dikunjungi seperti Pulau Tuba. Hal ini kerana, pelancong itu sendiri tidak cuba untuk menjelajah lebih lagi tentang keunikan yang terdapat di Pulau Tuba dan kurang mengkaji mengenai Pulau Tuba. Pelancong hanya memfokuskan di tempat-tempat yang sudah sememangnya menjadi tempat fenomena dan tarikan bagi semua pelancong.

Selain itu, masyarakat tidak mengambil peluang dalam mempromosikan keistimewaan yang terdapat di Pulau Tuba. Hal ini kerana, terdapat juga rungutan daripada penduduk setempat bahawa promosi sahaja tidak mencukupi untuk menambah bilangan pelancong datang ke situ dan Pulau Tuba juga tidak mempunyai produk pelancongan lestari. Namun begitu, komuniti setempat penduduk Pulau Tuba perlulah bersatu dalam mengusahakan sesuatu yang menarik supaya dapat meningkatkan lagi jumlah pelancong datang melancong ke Pulau Tuba. Pada zaman yang serba canggih ini terdapat pelbagai medium yang dapat digunakan dalam mempromosikan Pulau Tuba.

Di samping itu, penjagaan alam semulajadi perlulah dititikberatkan supaya kawasan pelancongan akan menjadi lebih teratur dan pelancong berpuas hati dengan tempat tersebut. Penduduk di Pulau Tuba perlu bersatu hati, berusaha dengan lebih keras lagi dalam sesebuah komuniti yang bekerjasama dan bersedia dalam memelihara keindahan alam yang menjadi tempat tumpuan pelancong seperti di kawasan persisiran pantai serta pelbagai kemahiran berkaitan industri pelancongan seperti penjagaan warisan yang sedia ada. Oleh itu, pihak kerajaan perlu untuk berusaha dalam menganjurkan program, seminar kursus pembangun keupayaan untuk penduduk Pulau Tuba. Sekiranya komuniti setempat telah diperkasakan sektor pelancongan akan lebih senang untuk diperkembangkan dan diperluaskan sehingga ke persada antarabangsa.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Sesebuah kajian dapat dilaksanakan dengan lebih lancar sekiranya terdapat objektif yang jelas. Bagi kajian potensi Pulau Tuba, Langkawi sebagai produk pelancongan warisan, pengkaji meletakkan tiga objektif kajian utama iaitu:

- i) Menenalpasti sejarah dan perkembangan Pulau Tuba.
- ii) Mengkaji potensi Pulau Tuba sebagai salah satu produk pelancongan warisan.

- iii) Membincangkan strategi dan usaha mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar.

1.4 PERSOLAN KAJIAN

Tiga persoalan kajian yang dibangkitkan didalam kajian ini ialah:

- i) Bilakah sejarah dan perkembangan Pulau Tuba?
- ii) Sejauhmanakah Pulau Tuba berpotensi sebagai salah satu produk pelancongan warisan?
- iii) Apakah strategi dan usaha mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar dapat dilaksanakan?


1.5 SKOP KAJIAN

Terdapat banyak tempat pelancongan yang boleh dilawati di dalam Malaysia dan pengkaji telah memilih Pulau Tuba dengan menumpukan kepada potensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan warisan. Kajian ini akan dijalankan di Pulau Tuba, Langkawi dan responden yang dipilih juga adalah dari penduduk setempat yang dipilih oleh pengkaji sendiri. Kajian ini memfokuskan tentang warisan yang terdapat di Pulau Tuba dan tindakan yang diambil oleh penduduk komuniti setempat dalam mempromosikan dan memperkenalkan Pulau Tuba. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai keindahan yang terdapat di Pulau Tuba yang boleh dijadikan sebagai daya tarikan kepada pelancong.

Seterusnya, kajian ini hanya tertumpu kepada Pulau Tuba sahaja dan bukanlah seluruh tempat pelancongan yang terdapat di Langkawi. Kajian ini juga mempunyai limitasi kerana memfokuskan kepada beberapa penduduk setempat Pulau Tuba sahaja.

- **Pulau Tuba, Langkawi Kedah**

Kajian yang akan dilakukan ini adalah mengetahui potensi Pulau Tuba, Langkawi sebagai produk pelancongan warisan. Lokasi kajian dipilih atas faktor-faktor pelancongan yang terdapat di Pulau Tuba.



Peta 1.5 Peta lokasi Pulau Tuba, Langkawi.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian tentang potensi Pulau Tuba sebagai sektor pelancongan warisan ini dapat menjadi daya tarikan serta dapat membuka mata masyarakat terutama pelancong untuk datang berkunjung bagi melihat sendiri keunikan yang terdapat di Pulau Tuba. Hal kerana terdapat elemen dan unsur warisan yang dapat dipelajari bersama. Terdapat tempat menarik yang mempunyai keindahan alam semulajadi yang dapat dilawati oleh para pelancong. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran kepada komuniti setempat tentang berharganya Pulau Tuba dan dapat meningkatkan ekonomi penduduk setempat sekiranya Pulau Tuba dipromosikan dengan strategi yang betul dan dapat menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung ke Pulau Tuba.

1.6.1 Individu (Pengkaji)

Pengkaji dapat mengetahui tempat menarik yang terdapat di Negeri Kedah yang sangat terkenal dalam sektor pelancongan samada pelancong dari dalam negeri tersebut mahupun dari luar negeri dan juga pelancong antarabangsa. Dan ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Selain itu, pengkaji dapat menerokai lebih mendalam mengenai tempat menarik terutama warisan yang terdapat di Pulau Tuba yang dapat dijadikan sumber pelancongan semakin dikenali dan menjadi tempat tumpuan pelancong. Sumber pelancongan yang unik dan adanya nilai warisan yang dapat dipelajari merupakan sesuatu yang amat penting supaya dapat meluaskan lagi daya pemikiran bukan sahaja sekadar melancong untuk mengisi masa lapang tetapi sambil mengambil tahu mengenai keindahan alam yang terdapat di tempat tersebut.

1.6.2 Masyarakat

Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada kelompok masyarakat tentang pentingnya peranan mereka dalam mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar dan sekaligus dapat menarik minat pelancong untuk berkunjung ke Pulau Tuba, Langkawi. Hal ini kerana, jika bukan penduduk setempat bertanggungjawab dalam memelihara kesejahteraan tempat pelancongan ini mungkin tidak akan dapat berkembang maju dan mendapat perhatian dari pelancong luar. Di samping itu, dengan warisan keindahan alam yang terdapat di Pulau Tuba ini perlu dijaga dengan baik supaya dapat dikekalkan sehingga generasi akan datang dan dapat dijadikan sebagai tempat pelancongan berasaskan warisan.

1.6.3 Negara

Malaysia sememangnya dikenali sebagai negara yang menjadi tarikan para pelancong. Selain itu, Malaysia negara yang harmoni serta aman damai ini menjadi salah satu punca berkembangnya sektor pelancongan di Malaysia. Terdapat banyak tempat-tempat

menarik yang dapat dikunjungi di Malaysia dan salah satunya ialah Pulau Tuba, Langkawi. Oleh itu, pihak berkepentingan perlulah mengambil inisiatif terutamanya kepada pengurusan Pulau Tuba supaya dapat memperluaskan sektor perlancongan yang sedia ada di pulau tersebut. Selain itu, pelancongan di Malaysia akan lebih dikenali semua sehingga peringkat antarabangsa.

1.7 KERANGKA TEORI

Talcott Parsons (1902) telah menjelaskan tentang pembentukan sesebuah masyarakat adalah daripada perspektif fungsional. Setiap elemen struktur sosial masyarakat tersebut membantu mewujudkan kestabilan dalam kalangan masyarakat. Maksud Teori Fungsional adalah wujudnya saling kebergantungan dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, pelancong mengimpikan sebuah tempat pelancongan yang dapat memberi ketenangan dan dapat merehatkan minda serta mengeksploitasi benda yang baru. Justeru itu, penduduk setempat yang merupakan tuan rumah bagi sesebuah tempat pelancongan tersebut perlulah memastikan kawasan sekeliling tersedia dengan baik supaya aktiviti pelancongan berjalan dengan lancar. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa Teori Fungsional ini dapat dikaitkan antara masyarakat setempat dan pelancong.

Teori yang dipilih didalam kajian ini ialah merupakan teori yang paling berkuasa dalam pengurusan antropologi. Teori ini memandang sesebuah budaya sebagai sebuah perpaduan, dan untuk menerangkan bagaimana ikatan perhubungan antara sekelompok manusia yang ada dan bagaimana sesebuah masyarakat berfungsi dalam kelompok tersebut. Teori ini menunjukkan masyarakat perlulah bekerjasama dalam sebuah perpaduan dan kestabilan dalam masyarakat. Oleh itu, teori ini menjelaskan bahawa kehidupan sosial masyarakat bergantung kepada struktur sosial dan tingkah laku masyarakat yang saling berkait antara satu sama lain. (Macionis, 1997).

Selain itu, setiap struktur sosial menyumbang kepada persekitaran masyarakat. Dua tokoh ahli antropologi terkemuka iaitu Radclift Brown dan Bronslaw Malinowski,

menggambarkan dua kepentingan teori iaitu dengan menekankan pada keutamaan dari setiap masyarakat dan struktur masyarakat serta bagaimana struktur sosial dapat berfungsi dalam memelihara keseimbangan dan kesatuan sosial masyarakat. Oleh itu, teori ini bersesuaian dengan kajian ini yang mana mementingkan penglibatan kesatuan masyarakat dalam mempromosikan Pulau Tuba sebagai produk pelancongan yang mempunyai unsur warisan serta dikenali oleh masyarakat dari dalam mahupun luar negara.

Di samping itu, penggunaan teori ini mempunyai perkaitan dengan kajian yang dijalankan. Dimana kelompok masyarakat perlulah bersatu dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan dalam memperkenalkan dan mempromosikan Pulau Tuba ke masyarakat luar. Masyarakat mestilah menerima dan menyuarakan pandangan yang bernas dalam menjayakan lagi pelancongan warisan di Pulau Tuba. Oleh itu, pelancongan warisan di pulau tersebut akan mendapat sambutan dan menjadi pulau tarikan buat masyarakat luar mengunjungi Pulau Tuba hasil daripada masyarakat dan pihak berkepentingan bersatu dalam mempromosikan pulau tersebut. Jadi, teori ini sesuai untuk digunakan dalam kajian yang telah dijalankan.

1.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji telah membincangkan tentang latar belakang kajian mengenai potensi Pulau Tuba, Langkawi sebagai produk pelancongan warisan. Dengan menjadikan pulau yang jarang dikunjungi oleh para pelancong berbanding kawasan Pekan Kuah, Langkawi, ia sedikit sebanyak mampu memberi kesan terhadap masyarakat yang berada di sekitarnya. Selain itu, pulau ini mampu menjadi daya tarikan terhadap pengunjung yang berkunjung ke kawasan berkenaan.

Secara kesuluruhannya, kajian ini telah dirangka dengan harapan kajian yang dilakukan dapat diterima dan membuka lebih banyak ruang untuk menjelaskan mengenai keindahan Pulau Tuba dan kepentingan komuniti dalam mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar. Selain itu, tujuan kajian ini adalah untuk

menunjukkan kepada para pelancong dan masyarakat tentang pulau yang boleh dijadikan sebagai tempat melancong untuk seisi keluarga.

Keindahan warisan alam semulajadi yang yang terdapat di Pulau Tuba perlulah dipromosikan dengan lebih meluas supaya dapat membuka mata masyarakat untuk berkunjung ke Pulau Tuba, Langkawi. Oleh itu, dalam langkah memperkenalkan Pulau Tuba ini perlulah diberi penekanan oleh pihak berkepentingan dan juga penduduk setempat dengan saling bekerjasama antara satu sama lain yang menetap di Pulau Tuba.

BAB II

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan tentang kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para pengkaji dari luar mahupun tempatan mengenai sektor pelancongan dan juga penerangan mengenai warisan yang terdapat di Malaysia terutama di Pulau Tuba. Selain itu, pengkaji akan menjelaskan tentang latar belakang Pulau Tuba, Langkawi dan sumber warisan yang masih dipelihara serta perkaitan antara objektif pengkaji dengan tajuk yang telah dipilih iaitu tentang Potensi Pulau Tuba, Langkawi sebagai produk pelancongan warisan. Pengkaji akan menghuraikan tentang objektif kajian iaitu mengenalpasti sejarah dan perkembangan warisan, potensi Pulau Tuba sebagai salah satu produk pelancongan serta strategi dan usaha mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar.

2.1 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dan laman web untuk mendalami lebih lanjut mengenai keindahan warisan alam semulajadi untuk dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan di Pulau Tuba. Pulau Tuba asalnya adalah perkampungan nelayan tepi laut, menawarkan landskap bumi yang segar, jauh dari kesesakan Pekan Kuah, yang mana penduduk pulau ini masih mengekalkan gaya hidup tradisional dan sarat dengan sajian makanan masyarakat Melayu dan bagi sesiapa yang pernah ke

Pulau Tuba boleh menikmati pengalaman percutian yang berbeza berbanding Pulau Langkawi. (BackPackerz, December 2019).

Selain itu, menurut Tengku Halbert (2017) beliau menerangkan Kilim Geoforest Park dimana pelancong dapat menikmati keindahan alam dengan menaiki bot dan bagi pelancong yang berminat dengan mengeksplorasi keunikan yang terdapat di Pulau Tuba terdapat tempat menarik yang ditawarkan di pulau berkenaan iaitu Gua Kelawar kerana populasi besar kelawar di Malaysia berada di pulau tersebut. Apabila para pengunjung masuk ke bahagian dalam gua, para pengunjung dapat melihat banyak kelawar di dalamnya. Gua Kelawar tersebut merupakan tempat kelawar tinggal kerana suhu dan kelembapan didalamnya sesuai dengan kehidupan mereka. Oleh itu, Gua Kelawar tersebut haruslah diperkenalkan lagi kepada masyarakat supaya dapat mengetahui bahawa Pulau Tuba mempunyai keistimewaan yang tersendiri yang dapat dijadikan sebagai tarikan pelancong.

Seterusnya, di Pulau Tuba terdapat gua yang digunakan oleh penduduk melarikan diri ketika zaman peperangan Jepun suatu ketika dahulu. Pada zaman tersebut, terdapat penduduk yang menetap di gua ini selama lebih dari sebulan. Untuk menuju ke lokasi gua tersebut, perjalanannya agak mencabar dan perlu melepasi beberapa halangan batu-batuan yang tajam tapi keadaan sebegitu akan memberikan sebuah pengalaman yang berharga bagi pelancong yang sukakan akan cabaran. Apabila tiba di lokasi gua tersebut, para pelancong dapat melihat jalan kayu buatan manusia berada di pintu masuk gua. Disini menunjukkan bahawa komuniti berperanan besar dalam menjaga keunikan yang masih terdapat di Pulau Tuba tersebut supaya dapat diterokai oleh para pelancong yang datang melancong ke pulau itu.

2.2 PEMBANGUNAN PELANCONGAN SECARA UMUM

Pelancongan adalah merupakan antara salah satu industri yang terbesar dan terpenting pada masa kini yang berkembang selepas kemerosotan yang dialami oleh industri pembuatan dan beberapa industri yang lain yang dahulunya memonopoli sistem

ekonomi dan sosial dunia (Iversen & Wren 1998. Mc Intosh, Goeldner & Ritchie, 2000, Badaruddin 2005). Seperti yang sedia maklum, Malaysia mempunyai banyak tempat menarik yang sangat dikenali di peringkat Asia, antarabangsa mahupun tempatan. Pada suku tahun pertama 2016, Malaysia menerima kunjungan 6.48 juta pelancong yang mana pelancong ramai datang dari negara Singapura 3.24 juta pelancong dan diikuti 0.67 juta pelancong dari negara Indonesia dan China 0.38 juta pelancong, selebihnya diikuti dari pelbagai negara lain. Disini dapat lihat bahawa, Malaysia merupakan salah satu tempat pelancongan bagi masyarakat luar negara.

Selain itu, industri pelancongan Malaysia semakin berkembang maju dan menjadi antara satu sumber pendapatan ekonomi negara yang paling utama. Bagi memajukan lagi ekonomi negara, pihak dari Kementerian Pelancongan telah mengangkat kebanyakan tempat-tempat sebagai pusat pelancongan untuk menarik perhatian pelancong asing. Pihak kerajaan juga telah menggerakkan segala agensi yang terlibat secara langsung atau tidak ke dalam industri pelancongan agar dapat bekerjasama dalam mengerakkan industri pelancongan selaras dengan era kemajuan negara.

Sektor pelancongan semakin berkembang maju di Malaysia dan mempunyai kedudukan ke-9 di dunia. Melalui Laporan Daya Saing Pelancongan dan Pelancongan 2017 Malaysia menduduki tempat ke-25 daripada 141 keseluruhan negara yang ada dan merupakan kelima terbaik di Asia. Perkembangan pembangunan pelancongan diperluaskan lagi dengan Rancangan Malaysia Ketiga (RMK3 1976-1980) yang mana hala tuju industri pelancongan lebih menjurus dalam mencapai matlamat pembangunan pelancongan pada setiap peringkat termasuk di peringkat domestik dan peringkat antarabangsa (A. Habibah, 2012). Oleh itu, pelancongan menjadi sumber pendapatan tukaran asing ketiga terbesar di Malaysia dan menyumbang sebanyak 7% kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2005.

Pelancongan di Malaysia semakin rancak setelah kerajaan mengumumkan Rancangan Malaysia ke-5 yang mana kerajaan ingin mempertingkatkan lagi

kemudahan asas untuk para pelancong di seluruh negara. Sebagai contoh, menaiktaraf jeti pelancongan di Kuala Tahan, Pulau Langkawi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi bagi mengalukan kedatangan pelancong asing ke dalam negara tetapi disebabkan musim sekarang yang dikelilingi virus covid telah menghadkan aktiviti pelancongan yang sedia ada. Selain itu, negara Malaysia juga telah melancarkan program Tahun Melawat Malaysia setiap tahun sebagai salah satu promosi pelancongan untuk menarik pelancong asing ke dalam negara.

Perkembangan sektor pelancongan Malaysia bermula pada awal tahun 70an. Hal ini disebabkan oleh, berlakunya penambahan pelancong dari luar melalui jalan udara dan air. Hasil kerjasama kerajaan dan swasta telah meningkatkan lagi kemudahan asas dan pengangkutan untuk kegunaan pelancong. Disamping dengan penawaran perkhidmatan diteruskan lagi dengan lebih banyak hotel dan tempat penginapan telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk Malaysia.

Kesimpulannya, sektor pelancongan negara dilihat telah menguasai ekonomi negara dan mengalami peningkatan serta perkembangan yang sangat baik. Hal ini kerana, kerajaan telah mengambil perhatian yang serius dalam membangunkan sektor pelancongan yang sedia ada dalam negara ini. Dapat dilihat dengan jelas melalui perkembangan yang berlaku di beberapa pusat pelancongan di Malaysia. Sebagai contoh Kuala Lumpur, Pulau Langkawi, Cameron Highland dan banyak lagi. Peruntukan dan peranan pihak kerajaan menjadikan pusat pelancongan di Malaysia semakin membangun dan berkembang maju.

2.3 PELANCONGAN DI NEGERI KEDAH

Negeri Kedah Darul Aman merupakan negeri yang tertua di Malaysia kaya dengan sumber alam semulajadi, warisan bersejarah dan buatan manusia yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai sektor pelancongan di Malaysia. Sekitar awal tahun

1990an, kerajaan Negeri Kedah mula memberikan perhatian yang serius terhadap sektor pelancongan yang mana kemampuannya untuk menjana pertumbuhan ekonomi negeri dan mewujudkan lebih banyak peluang sumber pendapatan kepada masyarakat setempat (Johan Afendi Ibrahim, 2008).

Perkembangan pelancongan di Negeri Kedah sehingga kini telah banyak mengubah kehidupan fizikal terutamanya penduduk di kawasan luar bandar dan kawasan yang terpencil. Kawasan-kawasan tersebut telah menerima pembangunan hasil daripada industri pelancongan dengan jumlah kehadiran pelancong yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Masyarakat setempat dan kerajaan negeri merasai kesan- kesan positif kerana pelancongan. Sebagai contoh, peningkatan pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan dan perniagaan semakin meluas serta keusahawanan telah menerima bekalan infrastruktur dan kemudahan yang berkualiti (Mohamad Zaki Ahmad, 2008).

Seterusnya, pelancongan dan warisan adalah dua perkara yang sering dikaitkan antara satu sama lain. Namun begitu, warisan akan terus wujud tanpa adanya sektor pelancongan tetapi industri pelancongan tidak akan wujud tanpa sebuah warisan. Merujuk kepada Kamus Oxford (2008), warisan membawa maksud sesuatu yang akan atau telah diwarisi dimana akan melibatkan dua pihak iaitu generasi terdahulu dan generasi sekarang serta akan datang. Pelancongan merupakan antara sektor pembangunan yang terbaik di muka bumi ini atau sesuatu kawasan dan tonggak utama kepada perkembangannya adalah warisan yang sedia ada (Boniface dan Fowler 1993).

Kerajaan Negeri Kedah menganggarkan peningkatan berlipat kali ganda berkaitan pengunjung ke Pulau Langkawi susulan pelaksanaan Gelembung Pelancong Bersasar selepas pulau peranginan itu bertukar status kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), 10 Mac lalu (Abd Hadi Che Awang, Mac 2021). Menurut Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor, beliau menyatakan kelonggaran yang telah diberikan kerajaan itu mampu menjadi platform terbaik dalam membantu mengharmonikan semula sektor pelancongan di pulau peranginan berkenaan

dimana ada yang hampir tenggelam dek kerana penularan covid yang berleluasa dan penguatkuasaan beberapa perintah kawalan pergerakan.

2.4 PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI LANGKAWI

Menurut Rai Ilani (Jun 2019) Berdasarkan kisah lagenda beberapa ratus tahun dahulu Pulau Langkawi ini digelar sebagai Pulau Lagenda kerana dikaitkan dengan kisah-kisah mitos dan misteri seperti Mat Raya dan Mat Chinchang serta Mat sawar yang mempunyai kesaktian masing-masing berkelahi dan disumpah menjadi gunung dan bukit seperti yang ada pada masa kini. Menurut Augustin De Beaulieu (1621) yang merupakan seorang pelayar dari Perancis, beliau menceritakan semasa dalam persediaan untuk menubuhkan French East India Company beliau telah singgah di Pulau Langkawi. Menurut beliau pada ketika itu penduduk Langkawi adalah seramai lebih kurang 100 orang sahaja. Pada ketika itu, Pulau Langkawi dikenali sebagai Pulau Lada kerana penduduknya menjalankan tanaman lada dan menjadi pengeksport lada terbesar dirantau tersebut.

Setelah menyedari potensi Pulau Langkawi dapat memberikan pulangan yang baik kepada ekonomi negara dalam sektor pelancongan, Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Tun Dr Mahathir pada ketika itu sekitar penghujung tahun 80-an telah menjalankan beberapa strategi awal di Langkawi iaitu dengan meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur seperti kemudahan pelabuhan untuk aktiviti perdagangan dan jeti untuk aktiviti pelancongan. Seterusnya, kerajaan telah menjemput para pelabur untuk datang melabur di Langkawi untuk sektor pelancongan seperti pembinaan hotel bertaraf bintang dan membangunkan produk- produk pelancongan.

Kini, Langkawi menjadi sebuah tempat pelancongan yang sangat terkenal sehingga ke luar negara. Pembangunan pelancongan di Langkawi dijalankan oleh pelbagai agensi kerajaan yang mempunyai peranan masing-masing. Terdapat dua agensi yang memainkan peranan yang penting dalam membangunkan pulau peranginan tersebut iaitu Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Majlis Perbandaran

Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP). Menurut Yang Berhormat Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib (2011), beliau yang merupakan Ahli Parlimen Langkawi pada ketika itu telah merangka 137 dasar dan plan tindakan bagi pembangunan pelancongandi Pulau Langkawi.

Seterusnya, kedua-dua agensi tersebut iaitu LADA dan MPLBP merupakan pelaksana kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan. TYT Olexander Nechhytayo (Mac 2021) merupakan duta besar Ukraine telah mengadakan lawatan kerja ke Pulau Langkawi dan sepanjang lawatan tersebut beliau telah mengadakan kunjungan hormat ke LADA, Pejabat Daerah dan MPLBP bagi membincangkan kerjasama dan peluang pelaburan yang boleh diterokai oleh pelabur dari Ukraine.

2.5 PERTAMBAHAN BILANGAN PELANCONG DI PULAU TUBA

Pulau Tuba merupakan sebuah pulau berbukit dan satu-satunya pulau yang didiami selain Pulau Langkawi. Pulau Tuba ini terletak bersebelahan dengan Pulau Dayang Bunting, Langkawi. Ramai tak tahu bahawa Pulau Tuba ini adalah salah satu tempat pelancongan yang boleh dikunjungi kerana terdapat pelbagai keindahan alam yang boleh diterokai. Semua penduduk yang tinggal di pulau tersebut kebanyakannya beragama Islam sehingga pulau itu dikenali sebagai Pulau Islam.

Pulau Tuba perlu semakin dikenali dan mendapat perhatian daripada pelancong. Hal ini kerana, kerajaan telah menjalankan pembangunan melalui program homestay di wilayah utara semenanjung Malaysia (Jabil Mapjabil, 2017). Berdasarkan Kementerian Pelancongan Malaysia, 2010, produk homestay bukanlah tergolong sebagai kemudahan penginapan tetapi lebih memfokuskan kepada gaya hidup dan pengalaman, termasuk budaya dan kegiatan ekonomi. Beliau menekankan konsep produk pelancongan lifestyle atau yang berteraskan pengalaman. Program homestay ini adalah bentuk pelancongan yang lebih menekankan kepada pelancongan berasaskan komuniti dan tarikan ekopelancongan (Hathaichanok Phonwiset, 2008). Program homestay bukan sahaja melibatkan pengusaha dan penduduk dalam program tersebut sahaja tetapi

berkait dari segi budaya, cara hidup masyarakat yang pastinya mempunyai keunikan dan keistimewaan mereka yang tersendiri.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar berhasrat menjadikan Pulau Tuba, Langkawi sebagai antara destinasi pelancongan luar bandar yang menarik bagi negeri di kawasan utara. Bagi permulaan, pihak kementerian perlulah menumpukan kepada projek menaik taraf di Desa Keda Teluk Berembang dengan menyediakan peruntukkan khas sebanyak RM2 juta bagi membangunkan infrastruktur di pulau tersebut (Datuk Seri Rina Mohd Harun, 2019). Beliau menyatakan hasrat untuk menjadikan rumah di sekitar Pulau Tuba dicat dengan warna-warni supaya kelihatan lebih meriah dan usaha dalam membantu meningkatkan lagi pendapatan penduduk setempat Pulau Tuba dengan ingin membangunkan lagi sektor pelancongan dan menjadikannya sebagai pelancongan luar bandar yang dikenali oleh masyarakat.

Beliau memulakan agenda membangunkan Pulau Tuba dengan dimulai di Kampung Teluk Berembang dan meluaskan skop ke keseluruhan Pulau Tuba. Berdasarkan rekod, terdapat hampir 5,000 penduduk daripada tujuh kampung di Pulau Tuba dan sebanyak 40 buah rumah di Desa Keda Teluk Berembang terlibat dalam Projek Colourful House. Terdapat pelbagai produk pelancongan di Pulau Tuba yang dapat menarik perhatian pelancong antaranya hasil laut seperti koral selain keropok lekor dan kolam penternakan ikan yang menjadi nilai tambah kepada pulau itu (Datuk Seri Rina Mohd Harun, 2019).

2.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian lepas berkaitan dengan industri pelancongan di Pulau Tuba akan meninggalkan kesan dan cara yang berbeza. Pelbagai bentuk dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian lepas seperti pandangan daripada tokoh, pihak kerajaan, sejarah terdahulu dan sebagainya. Hal ini merupakan sokongan kepada pembangunan sesebuah tempat pelancongan dan masyarakat dapat lebih menghargai keunikan dan warisan yang terdapat di tempat pelancongan khususnya Pulau Tuba. Selain itu, masyarakat sememangnya memainkan

peranan yang penting didalam pembangunan sesebuah tempat pelancongan kerana bertanggungjawab dalam memelihara sumber warisan yang masih ada.

Selain itu, pengkaji juga menghuraikan tentang kerangka teoritikal yang digunakan oleh pengkaji. Kerangka teoritikal yang digunakan dalam kajian ini adalah teori interaksionisme simbolik. Teori ini akan membantu dari segi bagaimana pengkaji ingin menjelaskan bagaimana pengkaji berinteraksi dengan masyarakat atau responden yang menetap di Pulau Tuba atau yang menjaga pulau tersebut supaya lebih dikenali dan menjadi tarikan kepada pelancong.

Seterusnya, pertambahan bilangan pelancong bergantung kepada sesebuah tempat pelancongan tersebut. Tempat pelancongan yang disediakan perlulah sentiasa kelihatan baik dan membangun dari hari ke hari supaya masyarakat luar akan lebih tertarik untuk mengunjungi pulau tersebut. Mengikut peredaran masa sekarang, pelancong lebih tertumpu kepada media sosial. Jadi, masyarakat setempat memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan Pulau Tuba ke masyarakat luar dengan menguar-uarkan keindahan pulau tersebut melalui media sosial.

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan cara yang terbaik bagi menjawab permasalahan kajian. Dalam bab ini meliputi kaedah pengumpulan data dan cara menganalisis data. Bab ini juga menghuraikan tentang kaedah metodologi yang akan digunakan bertujuan untuk menjelaskan cara bagaimana pengkaji mendapatkan data yang sahih dan menganalisis data.

Bab ini juga turut membincangkan tentang perkara-perkara yang menghubungkan metodologi kajian antaranya rekabentuk kajian, kaedah kajian, soal selidik dan sebagainya. Selain itu, metodologi kajian juga penting dalam memastikan setiap info dan data yang ingin diambil adalah betul. Dalam memperolehi keputusan kajian ini adalah meliputi dari aspek pengumpulan data primer dan data sekunder. Seterusnya, untuk kaedah analisis data, pendekatan kualitatif akan digunakan untuk mencapai objektif kajian. Didalam bab ini akan menerangkan mengenai teknik pengumpulan data analisis dan kesimpulan yang dapat disimpulkan berkaitan analisis data.

3.1 REKABENTUK KAJIAN

Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji menggunakan reka bentuk beradaskan kaedah kualitatif. Pendekatan kualitatif adalah merupakan kaedah perbualan atau penulisan dan berkaitan perbuatan manusia yang dapat dilihat. Melalui pendekatan kualitatif ini pengkaji dapat memperolehi data secara terperinci dan tepat di antara pemboleh ubah dalam persekitaran kajian dan menjawab persoalan yang ingin dikaji. Seterusnya, kaedah kualitatif ialah kaedah mengumpul semua bahan yang berkaitan tajuk yang dikaji daripada berikut iaitu kajian lapangan, kaedah pemerhatian, kaedah temubual dan kaedah perpustakaan. Kaedah temubual dijalankan kepada penduduk setempat Pulau Tuba untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi berkaitan peranan yang mereka jalankan dalam memelihara keindahan Pulau Tuba.

Seterusnya, kaedah ini dijalankan dalam kajian ini kerana bersesuaian dengan objektif kajian dalam menghuraikan kepentingan komuniti setempat dalam mempromosikan Pulau Tuba. Oleh itu, melalui pengkaedahan ini dapat mengumpul data dan dapat diterangkan dengan lebih jelas lagi mengenai peranan tersebut dan hasil keputusan yang telah dijalankan dapat disimpulkan pada akhir kajian nanti.

3.2 UNIT ANALISIS

Kajian ini melibatkan responden-responden yang sememangnya menetap di Pulau Tuba, Langkawi iaitu pengurus kawasan Pulau Tuba, beberapa orang penduduk setempat dan pelancong yang sedang melancong disitu. Selain itu, responden-responden yang akan ditemubual ini berusia lingkungan 30 tahun keatas sama ada lelaki atau perempuan yang sememangnya menetap di Pulau Tuba.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan cara bagaimana pengkaji mendapatkan data dan maklumat dalam menjalankan kajian dan cara yang digunakan untuk mendapatkan data berdasarkan tajuk yang telah dipilih. Kaedah yang digunakan diperolehi daripada kaedah-kaedah yang digunakan untuk menambahkan lagi data, terutamanya data tentang tajuk yang dikaji iaitu Pulau Tuba, Langkawi sebagai produk pelancongan Warisan yang memfokuskan mengenai sektor pelancongan yang sedia ada dan kaitan antara warisan yang masih dipelihara. Terdapat dua kaedah utama yang digunakan dalam mendapatkan data untuk tajuk yang dikaji ini iaitu data primer dan data sekunder.

Kaedah kualitatif adalah sebuah data yang tersendiri dimana berlainan dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif adalah merupakan secara data yang berbentuk temubual, pemerhatian, analisis setiap dokumen. Catatan lapangan dan nota pengkaji adalah rujukan utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Data kualitatif ialah berbentuk deskriptif, yang merupakan kata-kata atau tulisan mengenai setiap tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984). Data kualitatif terhasil daripada beberapa data seperti mana berdasarkan (Patton, 1990) iaitu pemerhatian, perbincangan dan bahan bertulis.


Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan menggunakan kaedah pemerhatian supaya dapat melihat dan menjelaskan dengan lebih lanjut tentang kajian ini. Kaedah pemerhatian ini dijalankan kepada penduduk setempat di Pulau Tuba, Langkawi untuk menyaksikan sendiri tentang peranan masyarakat di Pulau Tuba dalam menjaga keharmonian dan keindahan pulau tersebut. Selain itu, kaedah temubual juga dilaksanakan dan dalam kajian ini akan menemubual beberapa penduduk setempat dan pelancong yang datang melancong di Pulau Tuba, Langkawi. Kaedah ini amat bersesuaian bagi mengumpul data dengan lebih terperinci berkait rapat dengan tema kajian.

Seterusnya, kajian perpustakaan dijalankan bertujuan untuk mengukuhkan dan menjelaskan lagi mengenai berkaitan tajuk yang dipilih. Sebagai contoh kajian

perpustakaan yang digunakan ialah artikel, laporan, contoh tesis, buku-buku akademik yang berkaitan dan lain-lain lagi. Melalui kajian ini dapat memudahkan dalam pengumpulan data dan dapat memastikan permasalahan kajian yang berkait dengan kajian yang sedang dijalankan ini. Kajian perpustakaan ini merupakan tindakan pertama dalam membuat persiapan untuk kajian justeru dapat memberi penjelasan yang lebih meluas dari segi persediaan persoalan yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan.

3.4 DATA PRIMER

Data primer merupakan sumber data yang diperolehi secara langsung. Teknik pengumpulan data yang dijalankan dengan melalui kaedah pemerhatian, temubual dan sebagainya. Justeru itu, data primer adalah data utama yang digunakan bagi mengumpul data semasa kajian dilaksanakan. Data primer ini berdasarkan daripada hasil temubual daripada responden-responden iaitu penduduk setempat dan pelancong Pulau Tuba, Langkawi. Kaedah temubual ini dijalankan untuk mendapat maklumat dengan lebih terperinci tentang kajian ini agar pernyataan yang diberikan oleh responden dapat dijadikan sebagai bukti yang kukuh untuk dilampirkan dalam laporan kajian. Antara data primer yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah:



Gambar 3.4: Temubual Bersama Responden Melalui Panggilan Telefon

(Sumber Pengkaji)

i. Temubual

Temubual adalah proses komunikasi dua hala diantara pengkaji dengan individu (responden) atau berkumpulan untuk ditemubual bagi mendapatkan maklumat tentang penyelidikan yang dijalankan. Tujuan temu bual ini ialah untuk mendapatkan maklumat yang dikaji dan mendapat gambaran dengan lebih jelas. Kaedah temu bual bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada sumber primer. Sumber primer dikenali sebagai sumber utama yang dijadikan sebagai sumber rujukan lain. Alat yang digunakan dalam kaedah temu bual ialah seperti perakam video dan kamera digital dan sebagainya. Terdapat beberapa cara temu bual yang digunakan oleh pengkaji dalam proses penyelidikan ini antaranya:

ii. Temubual Individu

Bagi temubual secara individu, cara ini hanya melibatkan dua pihak iaitu pengkaji dan individu yang hendak ditemubual sahaja (secara dua hala). Proses temubual akan dijalankan oleh pengkaji ialah menemubual pengurus yang menguruskan Pulau Tuba, penduduk masyarakat setempat dan juga pelancong yang berkunjung ke Pulau Tuba bagi mendapatkan maklumat dan masalah yang berkaitan dengan kajian. Individu yang akan ditemubual oleh pengkaji merupakan seorang pengurus yang menguruskan Pulau Tuba. Temu bual pengurus Pulau Tuba sangat penting kerana mampu memberi segala maklumat dan berkongsi pengalaman dengan pengkaji.

Selain itu, pengkaji juga akan menemu bual segelintir masyarakat atau penduduk setempat Pulau Tuba bagi mendapatkan maklumat tambahan. Penduduk yang telah lama sekian lama tinggal di situ semestinya mengetahui dengan baik tentang tempat pelancongan di kawasan mereka. Penduduk setempat memainkan peranan yang penting bagi melestarikan dan memperkembangkan lagi sektor pelancongan di Pulau Tuba serta bertanggungjawab dalam menjaga keindahan warisan yang masih ada supaya dapat dipertonton ke generasi akan datang.

Seterusnya, sasaran temu bual ialah pelancong yang sedang berkunjung di Pulau Tuba. Disini amat pentinglah untuk pengkaji mengetahui tentang kepuasan para pelancong yang sedang bercuti disitu kerana dapat mengetahui masalah yang masih dihadapi dan akan memikirkan cara bagaimana untuk memastikan masalah tersebut dapat diatasi dan Pulau Tuba akan menjadi tempat tarikan para pelancong. Pengkaji akan menemu bual para pelancong bagi mendapatkan maklumat mengenai tempat warisan yang telah dilawati sepanjang bercuti di Pulau Tuba.

Berdasarkan soalan yang semasa di temu bual, pengkaji perlu mengumpul soalan terlebih dahulu sebelum mengajukan soalan kepada orang ramai (responden). Selain itu, pengkaji turut menajukan soalan secara langsung atau yang terlintas di fikiran pengkaji tanpa merujuk kepada soalan yang telah dirangka.

iii. Kaedah Pemerhatian

Kaedah ialah hanya melalui media sosial sahaja dan pengkaji tidak dapat mengunjungi kajian lapangan atas alasan beberapa factor yang perlu dititikberatkan pada musim sekarang. Dimana kes covid-19 yang semakin meningkat ketika itu. Sepaputnya, pengkaji ingin mengunjungi dan melihat sendiri keindahan Pulau Tuba disamping memerlukan komunikasi antara manusia kerana pengkaji hanya perlu melihat dan memerhati setiap gelagat dan perilaku masyarakat. Jadi, pengkaji hanya menjalankan kaedah pemerhatian melalui dalam talian dengan responden mengenai kajian tentang kehidupan sesebuah masyarakat.

Pengkaji menjalankan pemerhatian dengan memerhati kawasan sekeliling Pulau Tuba dan keadaan masyarakat di sana melalui tayangan video yang telah sedia ada sahaja. Pengkaji memerhatikan bagaimana kehidupan mereka seharian untuk memastikan kawasan pelancongan sentiasa kelihatan harmoni dan menarik perhatian para pelancong untuk melancong kesitu lagi. Tujuan pengkaji menjalankan pemerhatian ini adalah supaya dapat membantu pengkaji dari melakukan sebarang kesilapan dalam penulisan.

Antara alat yang membantu pengkaji dalam kaedah pemerhatian ialah video rakaman. Pengkaji akan menggunakan alat perakam video untuk merakamkan segala aktiviti yang dijalankan sepanjang menemu bual pihak pengurusan Pulau Tuba, masyarakat setempat dan juga pelancong yang sedang melancong ke Pulau Tuba untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada pengkaji. Melalui pemerhatian yang peka akan membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Menerusi kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui usaha-usaha yang telah dilakukan oleh penduduk setempat dalam membangunkan ekonomi pelancongan di Pulau Tuba.

3.5 DATA SEKUNDER

Selain daripada kaedah primer yang telah digunakan, pengkaji turut menggunakan data sekunder bagi memperbanyakkan maklumat dan bahan berkaitan dan bersesuaian dengan penyelidikan yang dikaji.

Data sekunder merupakan data yang diperolehi daripada hasil pengumpulan individu lain atau kajian orang lain. Selain itu, data sekunder merupakan data yang diperolehi daripada rujukan yang telah sedia ada yang berkaitan dengan kajian serta boleh dijadikan untuk membuat kajian. Data sekunder ini adalah sebagai data tambahan yang boleh didapati dari sumber penulisan seperti artikel, buku, majalah, surat akhbar dan sebagainya. Data sekunder sebagai sokongan untuk pernyataan yang diperjelaskan dalam kajian yang dilaksanakan.

3.5.1 Kaedah Kepustakaan

Maklumat dan data yang diperolehi dengan menggunakan kajian kepustakaan dan teks yang telah dikumpul oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Kajian kepustakaan ini merujuk kepada buku, tesis, kertas kerja, jurnal dan akhbar yang menerangkan mengenai tentang Pulau Tuba. Pengkaji menjalankan penyelidikan di perpustakaan

Universiti. Tujuan pengkaji ke perpustakaan adalah untuk membantu pengkaji memperolehi bahan dan menambahkan ilmu pengetahuan serta memudahkan pengkaji dalam menjalankan kajian dengan lebih mendalam mengenai tajuk yang dikaji.

3.5.2 Internet

Selain kaedah perpustakaan, pengkaji turut menggunakan kaedah menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat dan bahan tambahan untuk membantu dalam penyelidikan. Tidak dinafikan sememangnya maklumat internet paling banyak dicari disebabkan keadaan sekarang yang terbatas kerana virus covid yang semakin mengganas. Pelbagai laman web yang telah dilayari untuk mendapatkan sumber maklumat dan pengkaji menggabungkan sumber yang diperolehi untuk memantapkan lagi penjelasan mengenai kajian yang dijalankan.

3.5.3 Rakaman

i) Kamera Digital

Rakaman gambar diambil oleh pengkaji melibatkan proses fotografi. Proses fotografi yang dijalankan oleh pengkaji dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji untuk dijadikan bukti menemubual pengurus, masyarakat setempat dan pelancong di Pulau Tuba dalam mendapatkan maklumat untuk mengenalpasti sejarah dan perkembangan Pulau Tuba. Selain itu, menggunakan kaedah ini juga, ia memudahkan pengkaji kerana gambar yang diambil ini tidak mudah rosak atau hilang.

ii) Catatan Bertulis

Catatan bertulis memerlukan pengkaji mencatat setiap maklumat dan perkara yang disampaikan oleh orang yang ditemuramah. Selain itu, pengkaji juga dapat mencatat segala pemerhatian yang dilihat semasa berada di tempat yang kajian. Catatan buku

ini amat penting kepada pengkaji kerana dapat mencatat maklumat yang disampaikan dan menjadi rujukan kepada pengkaji semasa proses penulisan.

3.6 ANALISIS DATA

Semua data yang dikumpulkan melalui kaedah soal selidik merupakan data yang akan disemak untuk memastikan semua soalan yang diberi telah dijawab mengikut arahan yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Data soal selidik yang diperolehi daripada responden diukur dalam bentuk kualitatif dengan melihat peratusan daripada responden yang menjawab borang soal selidik.

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis untuk membuat kesimpulan hasil daripada dapatan kajian yang didapati berdasarkan maklumat dan data yang telah dikumpul. Selain itu, berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah pengumpulan data kualitatif iaitu hasil melalui kaedah pemerhatian, hasil bahan bertulis dan hasil temubual. Hasil temubual adalah kenyataan secara langsung yang diberikan oleh responden semasa ditemubual mengenai kajian ini, dan hasil bertulis ialah dari petikan artikel, dokumen berkenaan atau berdasarkan sejarah yang sedia ada.

Seterusnya, sumber data yang diperolehi melalui responden. Responden sebagai sumber data dalam hal yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Menurut kaedah kajian ini, sumber responden diterhadkan kepada penduduk setempat itu sahaja dan bilangan responden supaya sepadan dengan rekabentuk kajian ini. Kajian ini juga dikaitkan dengan sumber bahan bertulis untuk mengukuhkan lagi tentang kajian serta data dan maklumat yang berkaitan.

3.7 PERSAMPELAN

Pensampelan ialah proses dalam pemilihan elemen populasi kajian yang bertujuan untuk dijadikan wakil populasi tersebut. Berdasarkan kajian Mohd. Majid Konting

(1998) sampel yang dipilih untuk kajian sekurang-kurangnya mempunyai sifat yang sama dengan populasi dalam penyelidikan. Tujuan persampelan yang dilakukan dalam kajian adalah untuk menghasilkan sesuatu ketepatan berdasarkan apa yang dikaji dan jangkaan yang akan berlaku sepanjang menjalankan penyelidikan. Persampelan mempunyai dua kaedah iaitu kaedah kebarangkalian dan persampelan bukan kebarangkalian.

Kajian ini berdasarkan persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan kuota. Persampelan ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan penduduk setempat Pulau Tuba tentang keunikkan yang terdapat di pulau tersebut. Selain itu, penyelidik perlu mengambil tahu tentang populasi lelaki dan perkadaran wanita di Pulau Tuba, Langkawi. Kajian ini memfokuskan kepada penduduk tempatan yang menetap di Pulau Tuba, Langkawi sahaja. Melalui persampelan ini pengkaji dapat mengumpul data dengan lebih tepat lagi berkaitan objektif kajian. Pengkaji dapat mengetahui pengetahuan penduduk setempat itu sendiri tentang keunikkan yang terdapat di tempat mereka sendiri.

3.8 KESIMPULAN

Bab ini menjelaskan tentang reka bentuk kajian, analisis yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan. Bab ini meliputi kaedah pengumpulan data, kaedah mendapatkan data dan cara menganalisis data. Selain itu, pengkaji menerangkan tentang kaedah metodologi yang digunakan dalam penyelidikan yang bertujuan menjelaskan cara pengkaji mendapatkan data untuk kajian ini. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan inian antaranya pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menjalankan temubual bersama responden yang terdiri daripada Pegawai LADA, penduduk tempatan dan juga pelancong. Pengkaji juga membincangkan tentang perkara-perkara yang menghubungkan metodologi kajian antaranya reka bentuk kajian, kaedah kajian, soal selidik dan sebagainya. Menggunakan data primer dan data sekunder untuk dapatkan maklumat dan bahan yang tepat untuk meneruskan kajian.

BAB IV

ANALISIS DATA

4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, penghuraian atau analisis kajian dilakukan adalah bertujuan untuk membincangkan persoalan kajian serta objektif bagi sesuatu kajian. Menurut Komaruddin (2001), analisis merujuk kepada kegiatan berfikir untuk menghuraikan sesuatu keseluruhan menjadi komponen sehingga dapat mengenal tanda-tanda komponen, hubungannya satu sama lain dan fungsi dalam satu keseluruhan yang padu.

Terdapat beberapa kaedah yang dilakukan bagi menjalankan kajian ini agar objektif kajian dapat dicapai. Kaedah yang telah digunakan pengkaji adalah berdasarkan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual. Kaedah temubual ini telah dijalankan kepada empat orang responden terdiri daripada Pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi, penduduk setempat Pulau Tuba dan pelancong. Selain itu, kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapat lebih banyak maklumat dan data untuk menganalisis terhadap kajian yang telah dijalankan.

4.1 ANALISIS DATA

Dalam analisis data, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual. Melalui kaedah temubual, pengkaji telah mencapai objektif yang ingin dicapai dalam kajian yang dilakukan. Pengkaji telah menemubual empat orang responden yang terdiri daripada seorang Pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi bagi mendapatkan maklumat tentang sejarah Pulau Tuba serta strategi bagi memperkenalkan Pulau Tuba kepada masyarakat luar. Selain itu, pengkaji juga telah menemubual dua orang penduduk setempat Pulau Tuba bagi mendapatkan maklumat tentang asal usul dan bagaimana Pulau Tuba mula dipromosikan melalui pelancong yang datang mengunjungi Pulau Tuba, Langkawi. Semua responden telah menjawab dengan jelas kesemua persoalan yang berkaitan dengan kajian. Antara persoalan kajian yang telah dijawab adalah berkaitan dengan sejarah dan perkembangan Pulau Tuba, potensi Pulau Tuba sebagai produk pelancongan warisan dan strategi serta usaha dalam mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar.

Seterusnya, maklumat yang diperolehi melalui kajian kepustakaan. Pengkaji telah menganalisis buku, jurnal, akhbar dan artikel bagi mengetahui sejarah Pulau Tuba, Langkawi. Buku dan artikel dikaji adalah untuk menjawab beberapa persoalan mengenai sejarah dan asal usul Pulau Tuba.

4.1.1 Temubual

Temubual merupakan salah satu kaedah yang dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan data agar objektif kajian dapat dicapai. Kaedah temubual telah dijalankan melalui telefon kerana mempunyai kekangan untuk ke tempat kajian. Kaedah temubual telah dijalankan kepada penduduk kampung Pulau Tuba, Langkawi, Kedah. Analisis ini

dibahagikan mengikut objektif yang telah dijalankan iaitu mengenalpasti sejarah dan perkembangan Pulau Tuba, mengkaji potensi Pulau Tuba sebagai produk pelancongan warisan serta membincangkan strategi dan usaha mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar. Dalam kajian ini, pengkaji telah melabelkan kategori-kategori responden mengikut kod dan peranan bagi memudahkan analisis data diproses seterusnya dapat membentuk kerangka analisis untuk memudahkan dalam membuat rumusan tentang kajian. Kod ini akan digunakan untuk melabel responden yang telah ditemubual dan dibentuk seperti jadual 4.2:

Jadual 4.1.1: Kod Responden dan Peranan

Bil.	Kod dan Huraian	Peranan
1.	R1 - LADA	Pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi
2.	R2 - PK	Penduduk Kampung
3.	R3 - PK	Penduduk Kampung
4.	R4 - PPT	Pelancong Pulau Tuba

Sumber Kajian: Kajian Melalui Temubual, 2021

Pengkaji telah menemubual empat orang responden yang terdiri daripada pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan penduduk setempat Pulau Tuba bagi mendapatkan jawapan secara terperinci tentang sejarah dan asal usul Pulau Tuba. Keseluruhan responden berbangsa Melayu, beragama Islam dan berumur di antara 20-an hingga 50-an. Responden penduduk kampung merupakan penduduk setempat yang memang dilahirkan di Pulau Tuba dan sedikit sebanyak mengetahui tentang sejarah Pulau Tuba. Huraian adalah ditunjukkan sepertimana dalam jadual 4.3.

Jadual 4.1.2: Profil Responden Berdasarkan Jantina, Bangsa dan Kelulusan

Profil Responden	R1 - LADA	R2 - PK	R3 - PK	R4 - PPT
Jantina Lelaki		/		
Perempuan	/		/	/
Bangsa Melayu	/	/	/	/
Umur 20an – 30an	/		/	/
40an - 50an		/		
Kelulusan S. Menengah		/		/
Pengajian Tinggi	/		/	

Sumber: Kajian Temubual, 2021

Kaedah temubual ini dijalankan secara dalam talian bersama responden dan pengkaji telah merekod setiap perbualan menggunakan alat perakam suara. Selain itu, pengkaji juga menyediakan buku nota bagi mencatat apa yang diperolehi sepanjang temubual berlangsung bagi mendapatkan beberapa maklumat tambahan yang penting untuk tujuan rekod informasi.

Kaedah rakaman dijadikan sebagai salah satu bahan yang bertujuan untuk merekod segala maklumat yang akan diterjemahkan dalam bentuk teks. Berdasarkan temubual yang dijalankan, pelbagai jawapan yang telah diberikan berkaitan warisan di Pulau Tuba dan bagaimana cara mempromosikan serta menarik masyarakat luar untuk melancong ke Pulau Tuba. Terdapat juga responden yang menyatakan mereka tidak terlalu mengetahui tentang warisan yang terdapat di Pulau Tuba tetapi mereka memberikan respon dari segi cara untuk mempromosikan Pulau Tuba kepada orang

luar kerana responden tersebut merupakan generasi yang masih baharu di Pulau Tuba.

Analisis temubual responden ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat mereka mengenai kajian tetapi untuk mengukuhkan lagi dapatan yang dibuat melalui analisis sumber sekunder. Kepelbagaian latar belakang daripada responden dapat menambahkan lagi maklumat dan ulasan berdasarkan objektif yang telah dijalankan. Huraian ini adalah seperti jadual 4.4:

Jadual 4.1.3: Senarai Soalan Yang Diajukan Semasa Temubual Mengikut Objektif Kajian:

Bil	Objektif Kajian	Soalan Temubual
1.	Mengenalpasti sejarah dan perkembangan Pulau Tuba.	Adakah terdapat sejarah yang khusus tentang pembentukan Pulau Tuba?

		Apakah yang menyebabkan Pulau Tuba mula dikenali dan dikunjungi oleh para pelancong?
2.	Mengkaji potensi Pulau Tuba sebagai salah satu produk pelancongan warisan.	2.1 Adakah terdapat warisan yang dikekalkan di Pulau Tuba dan apakah warisan tersebut? Adakah kedatangan pelancong ke Pulau Tuba disebabkan warisan yang masih terpelihara?
3.	Membincangkan strategi dan usaha mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar.	3.1 Siapakah orang terpenting dalam memperkenalkan Pulau Tuba kepada masyarakat luar? 3.2 Adakah dengan hanya mempromosikan keindahan Pulau Tuba melalui media sosial dapat meningkatkan jumlah pelancong asing ke Pulau Tuba? 3.3 Sejauhmanakah “tour guide” dapat memainkan peranan penting dalam mempromosikan keindahan yang terdapat di Pulau Tuba? 3.4 Adakah pelancong yang menjadikan Pulau Tuba lebih terkenal?

Sumber: Kajian Temubual, 2021

Hasil temubual mendapati kesemua responden mempunyai pengetahuan dalam sejarah Pulau Tuba, Langkawi dan cara untuk mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar. Selain itu, responden juga mengetahui tentang warisan yang terdapat di Pulau Tuba dan dapat mengulas soalan yang diajukan dengan jelas dan mudah untuk difahami.

4.2 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN PULAU TUBA

4.2.1 Sejarah Khusus Tentang Pembentukan Pulau Tuba

Menurut Mohd Samsudin (2013), Pulau Tuba adalah sebuah pulau daripada 104 buah pulau yang terdapat di Langkawi. Tidak ramai yang mengetahui tentang kewujudan pulau kecil yang terpencil ini. Secara tradisinya, penduduk yang mendiami Pulau Tuba merupakan para petani dan nelayan yang menjalankan kegiatan secara tradisional (Sulong Mohamad, 2013). Masyarakat kecil ini telah wujud selama enam generasi dalam keadaan keterasingan daripada masyarakat luar. Menurut cerita, dikatakan Tok Bagus dan rombongannya dari Padang Tama, Ulu Melaka di Pulau Langkawi telah datang ke pulau ini dengan tujuan untuk memungut hasil hutan dan tidak merancang untuk menetap di pulau terpencil itu. Beliau hanya membuat keputusan untuk menetap sementara dan membina sebuah pondok kecil yang diambil dari bahan-bahan tempatan untuk tujuan berteduh untuk beberapa hari sambil mengutip dan mengumpul getah damar yang diperolehi dari pokok meranti. Namun, beliau berubah fikiran untuk tinggal di pulau tersebut bersama-sama keluarganya dalam jangka masa yang panjang dan terbentuklah perkampungan Pulau Tuba.

Menurut responden yang sememangnya anak kelahiran Pulau Tuba menyatakan bahawa sejarah Pulau Tuba ini bermula dengan kedatangan Tok Bagus dan makamnya masih terdapat di Pulau Tuba tetapi makamnya hanya dibiarkan dan tidak diperbaharui atau dijadikan sebagai tempat rujukan warisan seperti makam Mahsuri. Kubur yang adahanya diletakkan batu sungai sebagai tanda dan bagi sesiapa yang mengetahui sejarah sahaja akan berkunjung untuk melihat keadaan kubur

tersebut. Menurut Ismail (2021), makam tersebut tidak diperelokkan dan tidak mempunyai batu tanda yang khusus kerana mungkin mempunyai halangan daripada pihak tuan tanah atau ahlikeluarga mahupun masyarakat setempat terdahulu.

Dah lama dah orang nak buat, nak letak pagar bagi jadi elok, nak letak batu tanda yang elok nak bagi orang tau pasal ni pengasas mula-mula awal Pulau Tuba tapi mungkin ada kekangan dari pihak tuan tanah tu sendiri atau ahli keluarga tu yang tak boleh nak buat baru, bagi elok.

(R2)

Ketika pengkaji bertanya berkaitan dengan kubur pengasas Pulau Tuba yang tidak diperbaharui dan dijadikan sebagai tempat rujukan warisan, Beliau menyatakan bahawa terdapat juga segelintir pihak yang mencuba untuk menjadikan tempat tersebut sebagai tempat peringatan sejarah dan sebagai tanda warisan pembentukan Pulau Tuba tetapi tidak diizinkan dan mungkin itu merupakan halangan daripada tuan tanah kubur tersebut atau ahli keluarga yang masih ada.

Untuk nama Pulau Tuba ni pon sebab pokok Tuba banyak. Orang lama-lama cerita dulunya pokok tuba ni orang guna bila nak buat tanam sayur, tembikai, tuba ikan dan sebagainya. Depa guna pokok tuba ni buat hilangkan serangga yang pi makan tanaman. Jadi, orang-orang lama bancuh akar tuba dan pokok tuba pi jirus dekat tanaman. Segala serangga jatuh bila kena air rebusan pokok tuba ni.

(R2)

Selain itu, Pulau Tuba ini mendapat nama sempena nama pokok kerana di perkampungan Pulau Tuba tersebut, terdapat banyak pokok tuba dan dahulunya pokok

tersebut digunakan untuk kegiatan pertanian. Pokok Tuba ini dijadikan sebagai penghalang serangga daripada makan tanaman yang telah ditanam oleh penduduk. Kaedahnya ialah dengan membancuh air akar dan daun dari pokok tuba dan kemudian dijiruskan ke atas tanaman. Bagi menangkap ikan juga digunakan cara sebegini untuk mendapatkan hasil tangkapan yang banyak sehingga para nelayan menggunakan daun pokok tuba untuk melalikan hidupan laut (Ismail, 2021).

Pulau tuba ni dulu pulau yang kosong ja, lepas nelayan-nelayan luar datang ke Pulau Tuba untuk tangkap hasil laut yang ada dekat sinidepa mula perkampungan.

(R3)

Menurut Nur Zalikha Zainal Rashid (2021), dahulunya Pulau Tuba hanyalah sebuah pulau yang kosong dan para nelayan dari luar hanya datang ke Pulau Tuba untuk menangkap hasil tangkapan laut untuk dijadikan sumber pendapatan dan makanan harian mereka. Lalu, mereka telah membuat sebuah perkampungan untuk berteduh dan mula menghidupkan suasana di Kawasan Pulau Tuba. Pulau Tuba ini merupakan pulau yang kecil dan kurang dikenali oleh orang luar pada ketika itu sehinggalah kedatangan Tok Bagus yang telah mengasaskan tempat tersebut dan diberi nama Pulau Tuba.

4.2.2 Pulau Tuba Mula Dikenali Dan Dikunjungi Oleh Pelancong

Pulau Tuba adalah nama yang agak janggal didengari bagi pelancong kerana ia merupakan sebuah perkampungan nelayan pesisir pantai dan penduduknya terdiri daripada lebih kurang 5,000 orang. Bagi pelancong yang berhasrat untuk berkunjung

ke Pulau Tuba, mereka perlu menaiki bot atau feri yang tersedia dan dikenakan bayaran sekitar RM10 untuk seorang bagi perjalanan pergi dan balik. Setibanya di pulau tersebut, pengunjung boleh menaiki van atau motorsikal yang disediakan untuk disewa bagi memudahkan pelancong untuk bersiar-siar menikmati keindahan panorama perkampungan di Pulau Tuba (Akhbar Bernama, Oktober 2021).

Mula ramai orang mai Pulau Tuba ni tahun 2000 juga, boleh dikira baru tak baru. Sebelum ni Pulau Tuba tak terkenal lagi di mata orang luar sebab kebanyakannya pelancong pi Langkawi akan hanya pergi ke Pulau Langkawi saja macam Pekan Kuah, Makam Mahsuri dan sebagainya.

(R2)

Menurut responden, Pulau Tuba mula dikenali sekitar tahun 2000 kerana para pelancong pada ketika itu datang melancong ke Langkawi dan lebih memilih untuk ke kawasan yang terkenal dan sememangnya dikunjungi ramai orang seperti Pekan Kuah, Pulau Langkawi, Makam Mahsuri dan sebagainya.

Pihak NGO dan pusat pelancongan dulunya tak memperkenalkan sangat Pulau Tuba ni, bila pelancong mai melancong ke Langkawi. Pihak ni akan mempromosikan Pulau Langkawi saja, tak termasuk Pulau Tuba sekali.

(R2)

Menurut beliau lagi, pihak-pihak yang menjaga bahagian pelancongan sebelum ini tidak terlalu mempromosikan Pulau Tuba di dalam laman web mereka. Oleh itu, pelancong yang mengunjungi Pulau Langkawi hanya akan bersiar-siar di Pulau Langkawi sahaja dan tidak mengetahui tentang keindahan yang terdapat di Pulau Tuba (Ismail, 1971).

Pulau Tuba mula dikenali lepas Faridzuan menang piala Malaysia tahun 1993. Oleh sebab dia menang Piala Malaysia nama Pulau Tuba lebih ramai yang tau. Piala tu dibawa balik ke Pulau Tuba semata-mata untuk memperkenalkan Pulau Tuba bagi menceritakan pemain hebat ni berasal dari Pulau Tuba, Langkawi.

(R3)

Selain itu, menurut responden yang juga merupakan pengusaha Motel Faridzuan dan motel tersebut telah diwarisi sejak turun temurun oleh ahli keluarga. Beliau menyatakan bahawa Pulau Tuba mula dikenali lebih jauh selepas Faridzuan memenangi Piala Malaysia dan telah menyebabkan nama Pulau Tuba mula didengari dan disebut oleh masyarakat luar sekitar tahun 1993. Pada ketika itu, Faridzuan membawa pulang piala tersebut dan itu adalah bertujuan untuk mempromosikan Pulau Tuba serta telah menjadikan Pulau Tuba mula dikenali dan mendapat kunjungan daripada pelancong luar. Menurut responden itu lagi, sebuah motel telah diusahakan sekitar 25 tahun oleh keluarganya dan selepas kemenangan itu menjadi punca Pulau Tuba mula menerima kehadiran pelancong yang baharu samada dari dalam negara mahupun luar negara (Nur Zalikha Zainal Rashid, 1995).

4.3 POTENSI PULAU TUBA SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN WARISAN

Kalau nk cerita pasal warisan Pulau Tuba, terdapat warisan alam semulajadi di Pulau Tuba. Antara warisan yang masih dipelihara adalah pantai dan gunung-gunung serta gua. Warisan ini juga merupakan daya tarikan bagi pelancong yang melancong ke Pulau Tuba. Terdapat gunung yang boleh dinaiki oleh pelancong yang minat menjelajah warisan yang terdapat di Pulau Tuba.

Selain itu, di Pulau Tuba juga ada Gua Wang Buluh dan Gua Kelawar yang boleh dilawati dan selamat untuk dikunjungi oleh para pelancong.

(R1)

Bagi responden pertama yang merupakan Pegawai Pembangunan Pelancongan Langkawi, beliau menyatakan bahawa warisan yang dikekalkan ialah berkaitan dengan warisan alam semulajadi yang mana, Pulau Tuba mempunyai pantai yang cantik dan dijaga dengan baik supaya dapat menarik minat pelancong untuk melancong dan dapat merehatkan minda. Katanya lagi, terdapat juga gunung dan gua yang boleh dikunjungi oleh pelancong bagi melihat sendiri keindahan alam dan warisan yang masih dipelihara untuk para pelancong yang datang ke Pulau Tuba. Menurut beliau, kesemua tempat warisan tersebut dipelihara dengan baik dan selamat untuk dilawati dan dikunjungi.

Kalau nak dikira warisan di Pulau Tuba ni banyak cumanya tak diketengahkan dan pupus macam tu ja. Kalau nk kira warisan, kubur Panglima Hitam tu la warisan selain kubur Tok Bagus. Orang-orang lama tau la pasal warisan ni tapi sebab takda buat sebagai tempat peringatan orang tak berapa nak kenal warisan yang ada.

(R2)

Selain itu, Ismail (1971) menyatakan bahawa warisan di Pulau Tuba sememangnya terlalu banyak tetapi tidak diketengahkan dan pupus tanpa sempat diwariskan kepada generasi kini. Sebagai contoh, beliau menerangkan tentang kubur Panglima Hitam yang juga merupakan sejarah yang terdapat di Pulau Tuba dan kubur tersebut hanya diketahui oleh generasi terdahulu sahaja dan kurang dititiberatkan tentang penjagaannya oleh generasi kini.

Tapi kalau nak cakap pasal budaya warisan penduduk Pulau Tuba ni, penduduk kampung dia semua ramah tamah, tak kira orang luar semua akan layan macam orang kampung sendiri ja. Sekarang ni Pulau Tuba mula dikenali dan ramai orang luar masuk dan kami penduduk kampung ni akan layan semua orang asing. Itulah budaya yang memang dari nenek moyang kami buat sampai sekarang ni. Generasi ke generasi memang kami sentiasa senyum dan ramah dengan semua yang mai ke Pulau Tuba.

(R2)

Menurut beliau lagi, dari segi warisan budaya, penduduk tempatan Pulau Tuba sangat ramah dan sentiasa mengalu-alukan kedatangan pelancong ke kampung mereka. Budaya sedemikian telah diwariskan sejak daripada generasi dahulu sehinggalah sekarang. Yang mana mereka menganggap pelancong yang datang ke Pulau Tuba seperti kenalan mereka sendiri dan sangat murah dengan senyuman. Oleh hal yang demikian, ini juga merupakan salah satu caratarikan untuk menjadikan Pulau Tuba sebagai destinasi pelancongan warisan dan menjadi tumpuan para pelancong untuk melawati kawasan berkenaan.

4.3.1 Kedatangan Pelancong Ke Pulau Tuba

Pulau Tuba dikelilingi bukit-bukau jenis batu kapur yang terbentuk lebih 350 tahun dahulu dan pengunjung sebenarnya boleh singgah ke Bukit Kecil untuk melihat sendiri bagaimana formasi batu kapur terbentuk (Mohamad Basir bin Roslan, 2021). Dalam penjelasan beliau, terdapat tiga jenis batu kapur yang berlainan warna dan antara yang mudah didapati ialah yang berwarna putih yang biasa terdapat di bukit batu kapur lain. Selain itu, terdapat warna seakan lumut kerana tidak terlalu terdedah kepada cahaya matahari dan terakhir berwarna oren atau kekuningan. Yang lebih menarik tentang

warisan alam semulajadi ini ialah ketiga-tiga warna ini ada pada satu batuan dan dikatakan tidak terdapat di bukitbatu kapur yang lain.



Gambar 4.3.1 : Batu Kapur di Pulau Tuba
(Carian Google)

Selain itu, menurut Zamri (2021), terdapat beberapa pantai peranginan yang popular di Pulau Tuba. Antara pantai tersebut ialah Pantai Tanjung Pandan yang terkenal dengan kejernihan airnya dan terdapat pelbagai kedai makanan seperti mi udang serta Pantai Bagan Asam yang di kelilingi hutan paya bakau dan formasi batuan batu kapur yang boleh menarik minat pelancong untuk berkunjung ke Pulau Tuba. Pelancong perlu mengambil peluang ini untuk melihat sendiri tentang keindahan alam semulajadi dengan melancong ke PulauTuba.

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 4.3.2: Pantai Bagan Asam, Pulau Tuba
(Carian Google)



Gambar 4.3.3 : Mee Udang Yang Menjadi Tumpuan Para Pengunjung
(Carian Google)

Saya kalau nak melancong saya akan pilih tempat yang banyak alam semulajadi sebab saya nak tenangkan fikiran dan melancong dalam keadaan yang santai sambil melihat sejarah atau warisan yang ada dekat sesuatu tempat tu.

Sambil-sambil tu saya boleh tau juga pasal warisan tempat yang saya pimelancong tu.

(R4)

Menurut responden yang telah melancong ke Pulau Tuba, beliau membuat keputusan untuk melancong ke Pulau Tuba kerana keindahan alam yang dapat memberi ketenangan dan menghayati warisan semulajadi yang terdapat di kawasan berkenaan. Bagi beliau, tempat yang terdapat sejarah dan warisan ini dapat membuka minda untuk mengetahui dan melihat sendiri tentang warisan dan keindahan yang terdapat di sesebuah tempat (Syazwani, 2021).

Seterusnya, seperti yang sedia maklum, Pulau Tuba yang diambil namanya bersempena dengan pokok tuba yang tumbuh melata di sini juga turut dihiasi dengan pelbagai tumbuhan eksotik yang mungkin sukar ditemui di tempat lain seperti pandan laut, orkid harimau dan pokok bogok yang hanya tumbuh di kawasan batu kapur, manakala di dada langit pula gagah berterbangan burung helang jenis Lang Merah dan Lang Siput.

4.4 STRATEGI DAN USAHA MEMROMOSIKAN PULAU TUBA KEPADA MASYARAKAT LUAR

Menerusi keratan akhbar Bernama keluaran Disember, 2019, Tourism Malaysia (TM) Wilayah Utara telah melancarkan lawatan suai kenal 'Pulau Tuba Eco Expedition 2019' yang bertujuan untuk mempromosikan Pulau Tuba sebagai sebuah lokasi untuk ekopelancongan. Ahmad Husni Ahmad Basri yang merupakan pengarah lawatan tersebut telah meninjau kawasan berkenaan dan memastikan penduduk di pulau tersebut telah bersedia untuk menerima kehadiran pelancong ke tempat mereka. Menurut beliau, Pulau Tuba kurang dikenali ramai berbanding Pulau Langkawi. Namun, Pulau Tuba kaya dengan keindahan alam semulajadi yang mungkin sukar ditemui di tempat lain.

Selain itu, penghuni Pulau Tuba pada asalnya bergantung kepada pekerjaan sebagai pekebun, nelayan, mengusahakan bot tambang dan menjual hasil laut namun kini mereka mula beralih ke sektor pelancongan. Mengulas lanjut, Ahmad Husni (2019) menyatakan terdapat pelbagai jenis tempat penginapan yang telah disediakan untuk pelancong yang ingin melancong di Pulau Tuba termasuklah inap desa, chalet mahupun *resort* yang mampu menampung 700 pelancong pada satu-satu masa. Beliau juga menyatakan bahawa apabila pelancong ke Pulau Tuba, mereka dapat merasai cara hidup dan aktiviti orang kampung yang terkini mahupun aktiviti orang terdahulu seperti upacara memanggil ‘yat yat’ dan ‘kubong’. Pelancong juga boleh berkayak, memancing, belajar membuat kuih tradisional dan banyak lagi di kawasan berkenaan.

Di samping itu, bagi pelancong yang berminat melancong ke Pulau Tuba boleh menggunakan perkhidmatan bot di Jeti Dato’ Syed Omar dan masa yang perlu diambil sebelum tiba di Jeti Pulau Tuba ialah selama 10 minit. Ahmad Husni telah menyerahkan pelekat Tahun Melawat Malaysia 2020 kepada Pembantu Operasi Ferryline Venture Kuala Perlis, Che Mohd Saifulden Che Lah untuk ditampalkan pada cermin feri sebagai satu usaha promosi ketika program dijalankan (Bernama, 2019).



Gambar 4.4 : Bot Yang Dinaiki Pengunjung Ke Pulau Tuba

(Carian Google)

4.4.1 Orang Terpenting Dalam Memperkenalkan Pulau Tuba Kepada Masyarakat Luar

Pelbagai usaha dan program yang telah dijalankan bagi mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar. Antara program yang telah dijalankan ialah Seminar Program Geopark Pulau Tuba pada awal tahun 2016. Ketika program ini berlangsung pihak kami mendengar suara penduduk setempat yang ingin membangunkan Pulau Tuba dan cuba sedaya upaya untuk menjadikan Pulau Tuba sebagai destinasi utama ketika pelancong ke Pulau Langkawi.

(R1)

Menurut responden yang merupakan Pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Pulau Tuba mula dikunjungi setelah pihak mereka menjalankan tugas dengan melaksanakan beberapa program dan kolaborasi bersama pihak kerajaan untuk menaikkan nama Pulau Tuba menjadi sebuah destinasi pelancongan yang unggul. Antara program yang telah dijalankan ialah Seminar Program *Geopark* Pulau Tuba pada awal tahun 2016. Dalam perbincangan yang telah berjalan bersama penduduk kampung, mereka ingin membangunkan Pulau Tuba dan bersedia untuk bersama dalam arus pembangunan *Geopark* Langkawi. Penduduk setempat akan melakukan pelbagai usaha mengikut tahap kemampuan dan percaya bahawa terdapat banyak cabaran dan ranjau yang perlu ditempuh dalam fasa menjayakan program berkenaan.

Mula-mula Pulau Tuba diperkenalkan adalah hasil usaha daripada pihak LADA. Pihak LADA ni banyak membantu, yb dan termasuk orang kampung sendiri yang mana bila adik beradik yang duduk di luar, mereka akan cerita pasal

Pulau Tuba dekat orang luar. Orang luar mula tertanya bila ada yang buat posting pasal tempat yang cantik. Orang luar ni tau Langkawi tapi orang taktau pasal Pulau Tuba.

(R2)

Menurut responden, pihak terpenting dalam mempromosikan Pulau Tuba adalah daripada pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Beliau menyatakan pihak LADA banyak membantu dalam menjayakan program bagi memperkenalkan Pulau Tuba kepada masyarakat luar. Selain itu, menteri yang menjaga kawasan Pulau Tuba juga berganding bahu dalam menarik minat pelancong untuk mengunjungi Pulau Tuba. Penduduk kampung Pulau Tuba juga memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan Pulau Tuba kepada orang luar. Hal ini kerana, terdapat sesetengah penduduk yang mengambil keputusan untuk berhijrah ke luar Pulau Tuba bagi mencari kerja dan mereka yang pulang ke kampung halaman secara tidak langsung telah menarik minat orang luar untuk datang melancong ke Pulau Tuba. Dalam era pembangunan zaman kini, penggunaan teknologi telah mula meluas. Oleh itu, penduduk kampung yang tinggal di luar dan mahir menggunakan teknologi akan mempromosikan Pulau Tuba melalui *vlog*, *youtube* dan sebagainya. Masyarakat luar akan mula tertarik dengan keindahan dan prasarana sekitar Pulau Tuba menerusi usaha promosi yang telah dijalankan.

Bagi pengusaha motel macam kami orang yang mula perkenalkan motel, resort, chalet yang ada dekat sini dari 'group tourism'. Pihak ni yang banyak memperkenalkan kami kepada pengunjung luar. Jadi pelancong yang datang ke Pulau Tuba akan cari dalam 'group' tersebut la.

(R3)

Menurut responden ketiga, beliau yang merupakan seorang pengusaha motel memberikan pendapat bahawa pihak dari 'Tourism' banyak membantu mereka dalam memperkenalkan penginapan yang terdapat di Pulau Tuba. Motel Faridzuan ini merupakan motel yang telah lama dan setelah itu mula berkembang dengan chalet dan *resort* yang telah diasaskan oleh penduduk Kampung Pulau Tuba.

Selain itu, pihak 'Tourism' telah banyak mempromosikan dan memperkenalkan Pulau Tuba dengan menyebarkan maklumat berkaitan penginapan yang terdapat di Pulau Tuba dalam laman web atau mana-mana platform yang mereka miliki. Dengan cara ini, pelancong akan mula tertarik dengan kemudahan yang terdapat di Pulau Tuba dan semestinya akan datang berkunjung ke kawasan berkenaan disebabkan keindahan yang terdapat di situ, (Nur Zalikha Zainal Rashid, 2021). Gambar rajah dibawah menunjukkan Faridzuan motel:



MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 4.2: Faridzuan Motel
(Carian Google)

4.4.2 Mempromosikan Keindahan Pulau Tuba

Dunia yang semakin maju ni, sememangnya media sosial jadi salah satu daya tarikan untuk pelancong mengunjungi Pulau Tuba. Dari pihak Lembaga Pembangunan Langkawi sendiri menggunakan media sosial sebagai tempat untuk menaikkan lagi nama Pulau Tuba di Malaysia. Sebagai contoh, mengadakan program dan menjemput stesen televisyen bagi mengadakan dokumentari dan disiarkan kepada masyarakat luar.

(R1)

Dalam meniti arus dunia globalisasi ini, media sosial bukanlah sesuatu yang asing lagi bagi masyarakat. Hal ini kerana, boleh dikatakan semua orang memiliki gajet dan teknologi yang canggih. Menurut responden, media sosial telah menjadi salah satu daya tarikan bagi pelancong mengunjungi Pulau Tuba. Pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi juga telah menggunakan media sosial sebagai cara mereka

mempromosikan dan menarik minat masyarakat luar untuk melancong ke Pulau Tuba. Seperti yang telah dijelaskan, mereka telah mengadakan program dan menjemput stesen televisyen untuk membuat dokumentari berkaitan keindahan yang terdapat di Pulau Tuba dan kemudian dipertontonkan kepada masyarakat luar. Disebabkan itulah, bagi yang belum pernah mengunjungi Pulau Tuba akan tertarik dengan prasarana yang disediakan di sana.

Media sosial memang memainkan peranan juga, akan tetapi sebelum ni Pulau Tuba dia tak terkenal sebab pelancong yang mai dekat Pulau Langkawi tak mai sampai Pulau Tuba. Bila dah mula terkenal, orang-orang luar ni mai sebab tarikan makanan yang disediakan di Pulau Tuba seperti mi udang. Makanan jadi salah satu daya tarikan pelancong untuk mai dekat Pulau Tuba.

(R2)

Menurut responden itu lagi, media sosial memainkan peranan dalam meningkatkan pelancong untuk mengunjungi Pulau Tuba kerana pada masa dahulu, Pulau Tuba tidak dikenali dan mungkin selepas tersebar di media sosial telah menjadikan Pulau Tuba lebih terkenal dan masyarakat luar mula melancong ke Pulau Tuba. Beliau juga ada menyatakan bahawa tarikan dari segimakanan yang disediakan di Pulau Tuba telah menyebabkan peningkatan pelancong ke kawasan. Makanan juga merupakan tarikan utama untuk pelancong ke sesuatu tempat. Oleh kerana itu, penduduk Pulau Tuba telah menghasilkan menu yang boleh dijadikan sebagai cara untuk mempromosikan Pulau Tuba dan menarik pelancong untuk datang ke sana seperti memperkenalkan menu mee udang.

Selain makanan, 'transport' yang disediakan juga menjadikan pelancong semakin ramai yang datang ke Pulau Tuba kerana pengangkutan sangat mudah kalau nak guna. Turun ja jeti akan ada tempat untuk sewa motor dan

van untuk 'round' kampung. Waktu pengangkutan pon dah ada, sebelum niorang luar tak ramai mai Pulau Tuba sebab takda waktu pengangkutan dan orang luar risau kalau datang ke Pulau Tuba tak ada waktu tetap 'transport' nak balik. Sekarang pelancong yang mai ramai nak duduk lama sebab sukadengan suasana kampung.

(R2)

Menurut Ismail (2021), selain penyebaran melalui media sosial dan makanan yang menarik, dari segi pengurusan pengangkutan juga merupakan promosi dalam meningkatkan pelancong luar untuk melancong ke Pulau Tuba. Beliau menjelaskan bahawa terdapat kemudahan pengangkutan bagi pelancong yang datang melancong seperti motor sewa, basikal sewa dan van bagi yang membawa keluarga besar untuk tujuan bercuti.

Tidak seperti dahulu, Pulau Tuba yang sememangnya kurang terkenal dan dikhuatiri akan lemah dari segi pengangkutan tetapi dari hari ke hari, Pulau Tuba mula terkenal dan semakin membangun sehingga telah ditetapkan waktu bagi pelancong untuk menaiki bot ke sana. Disebabkan itu, pelancong dapat mengurus masa dengan baik semasa melancong. Kebanyakan pelancong juga lebih memilih untuk menginap lebih lama di kawasan berkenaan bagi menghirup udara segar di Pulau Tuba (Ismail, 2021).



Gambar 4.4: Tempat Menarik Yang Boleh Dilawati Di Pulau Tuba

(Carian Google)

Saya akui memang media sosial sebagai salah satu cara mempromosikan Pulau Tuba dan memainkan peranan dalam menarik minat pelancong untuk datang ke Pulau Tuba sebab saya sendiri pon tengok dekat media sosial pasal Pulau Tuba ni. Tak mustahil orang lain pon buat benda yang sama macam saya. Media sosial ni dia meluas sebabtu boleh tarik pelancong, buat ja posting pasal tempat menarik mesti orang luar akan tertanya dan buat nak pi tengok sendiri tempat tu.

(R4)

Menurut responden lagi, beliau bersetuju dengan menggunakan media sosial dapat meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Tuba. Hal ini kerana, beliau telah mengambil pengalaman sendiri yang mengunjungi Pulau Tuba selepas banyak melihat tentang keindahan yang terdapat di pulau berkenaan menerusi media sosial. Beliau juga berpendapat bahawa masyarakat luar akan melakukan benda yang sama. Oleh kerana masyarakat kini banyak meluangkan masa bersama gajet, secara tidak langsung mereka dapat mengetahui isu dan perkembangan semasa. Menurut Syazwani (2021), dengan melihat gambar yang telah dimuat naik di media sosial berkaitan Pulau Tuba telah menyebabkan masyarakat luar ingin melancong ke sana.

4.4.3 “Tour Guide” Memainkan Peranan Yang Penting Dalam Mempromosikan Keindahan Yang Terdapat Di Pulau Tuba

Kalau pelancong yang datang sekumpulan nak naik bukit atau masuk gua cantik yang ada dekat Pulau Tuba ni macam Gua Wang Buluh memang akan guna ‘tour guide’.

‘Tour Guide’ni yang akan tunjuk arah dan cerita pasal keistimewaan yang ada dekat Pulau Tuba tetapi kalau yang datang dengan keluarga akan pilih untuk melancong secara sendiri saja.

(R2)

Menurut responden, ‘tour guide’ hanya digunakan apabila diperlukan seperti adanya kumpulan dari mana-mana agensi, jabatan atau pelancong yang berminat untuk mendaki gunung mahupun ‘jungle trekking’ serta menjelajah gua yang terdapat di Pulau Tuba. ‘Tour Guide’ sememangnya memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan warisan Pulau Tuba kerana dengan ilmu pengetahuan yang ada pada ‘tour guide’ ini, mereka secara tidak langsung dapat menyampaikan cerita kepada pelancong tentang tempat-tempat warisan yang boleh dikunjungi. Namun begitu, bagi pelancong yang datang bersama keluarga lebih memilih untuk melancong secara bersendirian kerana lebih bebas dan selesa untuk ke mana sahaja. (Ismail, 2021).



KELANTAN



Gambar 4.3 : Hutan Simpan Untuk Jungle Trekking Dan Gua Kelawar
(Carian Google)

Selalunya yang datang ke Pulau Tuba akan lebih memilih untuk bergerak secara sendirian tanpa 'tour guide'. Tapi kami akan sarankan untuk pelancong sewa kereta sekali dengan motel supaya senang untuk berjalan-jalan di Pulau Tuba. Tetapi ada juga pelancong yang pilih untuk dibawa oleh 'tour guide'.

(R3)

Menurut Zalikha (2021), berdasarkan pengalaman beliau sepanjang menjaga motel di Pulau Tuba, kebanyakan pelancong lebih memilih untuk melancong tanpa 'tour guide' kerana sesetengah pelancong yang datang ke Pulau Tuba sudah merancang perjalanan mereka sendiri dan hanya ingin meluangkan masa bersama keluarga. Bagi pihak motel, sesiapa yang menempah untuk menginap di motel tersebut akan disediakan kereta sewa bagi memudahkan pelancong untuk berjalan-jalan tanpa memikirkan bahagian pengangkutan. Akan tetapi, ada juga segelintir pelancong luar yang memilih untuk melancong bersama 'tour guide' kerana mereka ingin menerokai dengan lebih mendalam berkaitan tempat menarik yang terdapat di Pulau Tuba.

Saya lebih suka untuk melancong tanpa 'tour guide' kerana hanya untuk bersantai dan mengambil angin tapi saya suka dengan cara 'tour guide' yang mempunyai banyak pengalaman dan ilmu pengetahuan tentang Pulau Tuba.

Bagi saya 'tour guide' memang main peranan nak promosi Pulau Tuba sebab mereka ni banyak ilmu pengetahuan tentang tempat-tempat warisan dan tempat menarik yang mungkin pelancong yang bergerak sendirian tidak tahu tempat tersebut.

(R4)

Menurut Syazwani (2021), beliau lebih berminat untuk melancong sendirian tanpa 'tour guide' kerana tujuan beliau hanya untuk bersantai dan mengambil angin sambil untuk mengetahui tentang sejarah atau warisan yang terdapat di Pulau Tuba. Walaubagaimanapun, beliau berpendapat 'tour guide' merupakan orang penting dalam mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar kerana mereka mempunyai ilmu dan pengetahuan tentang sejarah dan warisan yang terdapat di Pulau Tuba. 'Tour guide' juga lebih banyak mengetahui tempat menarik yang boleh dikunjungi bagi sesiapa yang berminat dengan alam semulajadi (Syazwani, 2021).

4.4.4 Pelancong Yang Menjadikan Pulau Tuba Lebih Terkenal

Betul, selain pihak atasan dan penduduk kampung pelancong antara salah satu punca Pulau Tuba mula terkenal sehingga ke peringkat antarabangsa. Ada juga pelancong dari luar negara yang mai, kalau mai Pulau Tuba takkan duduk sehari tapi seminggu sebab katanya syok dengan suasana Pulau Tuba yang 'nature'.

(R2)

Menurut responden, beliau bersetuju dengan menyatakan bahawa pelancong yang telah menjadikan Pulau Tuba lebih terkenal. Hal ini kerana, pelancong yang berkunjung akan menceritakan pengalaman mereka ketika bercuti di Pulau Tuba. Terdapat juga pelancong dari luar negara yang melancong ke Pulau Tuba dan mereka

akan menginap paling kurang seminggu di pulau ini kerana tertarik dengan keindahan alam semulajadi dan suasana di pulau tersebut. Katanya lagi, bagi yang mempunyai masalah dan ingin menenangkan fikiran, pulau ini merupakan antara tempat yang paling sesuai untuk melepaskan *stress* dan untuk tujuan berehat.

Pelancong main peranan dalam mempromosikan Pulau Tuba jadi lebih terkenal. Orang luar yang mai kebanyakan akan 'post' dekat ig, fb dengan tiktok tempat melancong yang dah melawat. Sedikit sebanyak memang dah menjadikan Pulau Tuba lebih terkenal. Alhamdulillah, lepas pkk tak menang tangan nak 'handle' orang luar tempah motel untuk mai melancong.

(R3)

Menurut responden, Pulau Tuba menjadi lebih terkenal selepas kedatangan banyak pelancong. Hal ini kerana, pelancong luar yang datang melawat pulau berkenaan akan memuatnaik gambar atau video pada media sosial mereka tentang tempat yang telah mereka lawati sepanjang berada di situ. Beliau memanjatkan rasa syukur kerana walaupun diuji sebelum ini dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kerajaan telah menyekat sektor pelancongan bagi semua negeri supaya wabak Covid-19 dapat dibendung tetapi sekarang, lebih ramai pengunjung atau pelancong luar yang mula masuk ke kawasan Pulau Tuba (Zalikha, 2021).

Bagi saya pelancong memainkan peranan untuk buat Pulau Tuba jadi lebih dikenali. Saya sendiri berkongsi pengalaman saya sepanjang melancong di Pulau Tuba dan menceritakan tentang keindahan yang terdapat di Pulau Tuba supaya lebih ramai yang tau tempat menarik selain Pulau Langkawi.

(R4)

Berikut adalah pendapat bagi responden yang juga merupakan pelancong yang pernah melancong ke Pulau Tuba. Beliau menyatakan bahawa pelancong memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan dan mempromosi Pulau Tuba. Beliau sendiri telah berkongsi tentang keindahan yang terdapat di Pulau Tuba dan ini sedikit sebanyak dapat membuka mata masyarakat luar akan keindahan kawasan ini.

4.5 KESIMPULAN

Bab ini telah menghuraikan tentang analisis kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual dan kajian kepustakaan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti sejarah dan perkembangan Pulau Tuba, mengkaji potensi Pulau Tuba sebagai produk pelancongan warisan, dan membincangkan strategi dan usaha dalam mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar.

Dalam bab ini juga, pengkaji turut menemubual seorang daripada pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi, dua orang penduduk kampung Pulau Tuba dan seorang pelancong yang pernah berkunjung ke Pulau Tuba bagi memperoleh maklumat dan informasi yang dikehendaki untuk dianalisis. Terdapat juga sejarah dan warisan yang masih dipelihara di Pulau Tuba dan dengan adanya pelbagai cara bagi mempromosikan Pulau Tuba ke masyarakat luar, sedikit sebanyak dapat membantu menaikkan lagi nama pulau ini.

Di samping itu, terdapat juga strategi dan usaha dalam memperkenalkan Pulau Tuba ke masyarakat luar. Menerusi kepelbagaian maklumat yang telah diperolehi berdasarkan temubual yang telah dijalankan. Selain itu, pengkaji juga melihat sejauhmanakah media sosial yang digunakan oleh generasi sekarang dapat menarik minat masyarakat luar untuk mengunjungi Pulau Tuba. Generasi muda masa kini didapati mengangap sejarah dan warisan tidak perlu dipelajari sedangkan warisan inilah yang perlu dijaga supaya dapat diteruskan sehingga kepada generasi yang akan datang.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan sejarah dan warisan Pulau Tuba mempunyai keunikan dan penduduk setempat juga mempunyai kebudayaan mereka yang tersendiri. Walaupun generasi muda kurang mempelajari tentang sejarah dan warisan dengan lebih mendalam tetapi mereka masih perlu mengekalkan warisan nenek moyang mereka untuk menunjukkan yang mereka masih mempunyai lambang identiti. Sepanjang kajian ini, konsep penglibatan secara alam maya telah dijalankan kerana mempunyai kekangan untuk ke kajian lapangan tetapi proses ini juga telah memudahkan untuk pengumpulan data serta memberi pendedahan terhadap aspek sejarah dan warisan yang ingin dikaji oleh pengkaji di kawasan berkenaan.

BAB V

PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Bab ini adalah pengakhiran kajian yang dibuat sepanjang kajian dijalankan dan disimpulkan kepada beberapa bahagian iaitu perbincangan dan rumusan. Selain itu, pada bahagian perbincangan merangkumi ringkasan bagi setiap bab daripada bab I sehingga bab IV dalam kajian yang dijalankan ini. Sektor pelancongan adalah merupakan bidang yang penting bagi sesebuah negara dalam meningkatkan kemajuan ekonomi. Perkhidmatan pelancongan adalah suatu bidang pelaburan yang memacu pertumbuhan bagi industri-industri lain yang berperanan dalam pembangunan negara Malaysia. Industri pelancongan merupakan penjana ekonomi negara yang sepatutnya diberi penekanan yang sewajarnya. Kejayaan bagi sektor pelancongan bukanlah semata-mata bergantung kepada kempen atau promosi dan pengiklanan sahaja tetapi ia juga berkait rapat dengan sistem pengangkutan, kemudahan lapangan terbang, kebersihan persekitaran, keselamatan pelancong, alam sekitar dan sebagainya. Kerjasama dan saling membantu antara pihak berkepentingan dan orang awam amatlah diperlukan untuk memastikan perancangan dan tujuan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan utama dunia melalui produk-produk pelancongan seperti pelancongan warisan, sejarah, pendidikan, kesihatan, makanan dan lain-lain lagi.

Selain itu, sektor pelancongan juga secara tidak langsung telah memajukan bidang perniagaan di Malaysia. Pelancong asing yang datang ke Malaysia sememangnya memerlukan tempat penginapan yang selesa dan bersih, makanan dan minuman yang mencukupi, perkhidmatan pengangkutan, jurupandu pelancong dan sebagainya supaya destinasi perjalanan mereka berjalan seperti yang dirancang.

Di samping itu, sektor pelancongan terus berkembang dengan pesat dan peningkatan hasil pendapatan dapat dilihat menerusi kesungguhan semua pihak. Galakan dan sokongan padu daripada pihak kerajaan dan swasta menerusi pembangunan pelancongan dapat mempelbagaikan lagi kemudahan dalam industri seperti pembinaan hotel dan kini sektor pelancongan negara merupakan penyumbang keenam terbesar ekonomi negara (Berita Harian, 17 Oktober 2015). Pihak kerajaan dan agensi swasta juga berperanan dalam memajukan bidang pelancongan di negara ini. Pihak mereka telah bekerjasama dalam membangunkan lebih banyak kawasan pelancongan dan telah menyediakan pelbagai perkhidmatan terbaik dalam sektor ini supaya dapat menarik perhatian pelancong untuk mengunjungi sesebuah destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia. Penduduk tempatan juga berusaha untuk mempromosikan sesebuah tempat pelancongan baru dengan menggunakan pelbagai platform agar pelancong dapat mengetahui tempat-tempat menarik yang terdapat di Malaysia.

5.1 PERBINCANGAN

Pengkaji telah membincangkan tentang pengenalan berkaitan dengan tajuk kajian iaitu pelancongan dalam Malaysia menerusi sejarah serta pelancongan warisan di Pulau Tuba. Pelancongan adalah salah satu industri yang berkembang dengan pesat bukan sahaja di Negara Malaysia tetapi di seluruh dunia. Berdasarkan laporan penyelidikan tahunan *The World Travel and Tourism Council* (WWTC) bersama rakan strategik mereka iaitu *Oxford Economics, Travel and Tourism's* pada tahun 2013 menjelaskan bahawa industri pelancongan telah menyumbang sebanyak 9.5% daripada jumlah GDP dunia (USD trillion). Salah satu potensi bidang pelancongan di Malaysia ialah

menerusi pelancongan berasaskan warisan. Bidang ini bukan suatu perkara yang baharu tetapi promosi terhadap aspek pelancongan warisan ini masih kurang. Dari segi pelancongan yang berasaskan warisan ini melibatkan warisan budaya iaitu warisan ketara dan tidak ketara.

Seterusnya, pengkaji telah membentuk tiga persoalan kajian berdasarkan permasalahan kajian iaitu terhadap sejarah dan perkembangan Pulau Tuba, potensi Pulau Tuba sebagai salah satu produk pelancongan warisan dan strategi serta usaha mempromosikan Pulau Tuba kepada masyarakat luar. Pengkaji telah membina tiga objektif kajian sebagai tujuan kajian ini hendak dijalankan berdasarkan persoalan kajian di atas. Skop kajian yang dipilih adalah di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah. Pengkaji juga menghuraikan kepentingan kajian ini daripada beberapa aspek serta menghuraikan definisi dengan jelas agar pengkaji dapat memberi gambaran berkaitan kajian yang telah dijalankan.

Bab kedua pula mengandungi sorotan kajian lepas yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Sorotan kajian ini adalah hasil kajian pengkaji serta perbincangan tentang penulisan terdahulu yang berkait rapat dengan tajuk kajian ini. Kajian-kajian ini telah membantu pengkaji mendapatkan maklumat mengenai pembangunan pelancongan secara umum, pelancongan di Negeri Kedah, pembangunan pelancongan di Pulau Langkawi dan pertambahan bilangan pelancong ke Pulau Tuba. Menurut A. Habibah (2002), beliau menyatakan bahawa perkembangan pembangunan pelancongan telah diperluaskan lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3) pada tahun 1976 hingga 1980 yang mana hala tuju industri pelancongan menjurus kepada matlamat pembangunan pelancongan pada setiap peringkat termasuklah di peringkat domestik dan peringkat antarabangsa. Selain itu, kerajaan Negeri Kedah telah mengganggarkan peningkatan berlipat kali ganda menerusi kedatangan pelancong ke Pulau Langkawi susulan daripada pelaksanaan Gelembung Pelancong Bersasar selepas pulau peranginan itu bertukar status kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Mac 2021.

Justeru itu, sorotan kajian dapat membantu pengkaji menjalankan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan tentang teori yang digunakan iaitu teori

interaksionisme dalam penulisan ini. Berdasarkan apa yang telah diperkenalkan oleh George Herbert Mead yang merupakan ahli falsafah Amerika ini, teori ini pada asasnya adalah menumpukan kepada tindakan dan tingkah laku manusia dalam interaksi sosial. Di samping itu, kita juga dapat melihat bagaimana mereka bertindakbalas dan mempengaruhi orang lain dalam sesuatu kelompok atau secara individu dengan individu sahaja. Keadaan ini dalam interaksi sosial memerlukan hubungan dengan simbol-simbol dan makna tertentu yang dipelajari dan diterapkan dalam proses sosialisasi. Teori ini memfokuskan kepada individu yang dicorakkan oleh masyarakat. Ia dapat dilihat dalam kalangan masyarakat Pulau Tuba yang mana mereka mengamalkan budaya mengalu-alukan kedatangan pelancong luar yang datang berkunjung ke sana bagi tujuan pelancongan tanpa mengira bangsa.

Bab ketiga dalam kajian ini adalah membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam penulisan kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi dua kaedah iaitu data primer yang memerlukan pengkaji membuat kajian lapangan untuk menemubual dan pemerhatian tetapi disebabkan hal yang tak dapat dielakkan, pengkaji menemubual setiap responden melalui panggilan telefon sahaja. Kemudian, pengkaji juga menggunakan data sekunder yang merupakan hasil penyelidikan kepustakaan seperti jurnal, artikel, surat akhbar, dan internet sebagai kaedah utama kajian ini. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), data kualitatif adalah berbentuk deskriptif yang merupakan kata-kata atau tulisan mengenai setiap tingkah laku manusia yang dapat diamati. Seterusnya, pengkaji menggunakan data primer iaitu data yang dikumpul sendiri oleh pengkaji melalui kaedah menemubual Pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi, penduduk Pulau Tuba dan pelancong. Bagi mendapatkan maklumat, pengkaji telah menemubual seorang daripada Pegawai (LADA), dua orang penduduk kampung yang sememangnya berasal dari Pulau Tuba dan seorang pelancong yang pernah mengunjungi pulau tersebut bagi melengkapkan data kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan kuota. Persampelan ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan penduduk setempat Pulau Tuba tentang keunikan yang terdapat di pulau tersebut. Pengkaji juga menjelaskan mengenai instrument kajian yang digunakan seperti temubual, pemerhatian dan kajian kepustakaan. Selepas kesemua kaedah diselesaikan, pengkaji akan membuat kaedah analisis data sebagai rangka penghasilan

kerja seperti transkripsi temubual dan perbincangan.

Bab keempat merupakan bahagian menganalisis untuk membincangkan serta menghuraikan dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji. Dapatan kajian ini diperolehi melalui kaedah temubual yang dijalankan oleh pengkaji kepada 4 empat orang responden iaitu Puan Zalina Mat Saman yang merupakan Pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi, Encik Ismail (penduduk kampung), Zalikha Zainal (penduduk kampung) dan Syazwani Ismail (pelancong) serta kaedah kepustakaan juga turut dijalankan. Bab ini menghuraikan dengan lebih mendalam mengenai objektif kajian yang telah dibina oleh pengkaji.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

5.2.1 Cadangan Pengkaji Bagi Pelancongan Pulau Tuba

Pulau Tuba merupakan salah satu destinasi pelancongan menarik yang baru di Pulau Langkawi, Kedah. Terdapat pelbagai daya tarikan yang terdapat di pulau ini seperti sejarah, faktor alam sekitar dan panorama yang menarik yang perlu dilawati oleh para pelancong samada dari dalam mahupun luar negara. Pelbagai kemudahan seperti tempat tinggal, pengangkutan yang telah diusahakan oleh masyarakat dan pihak bertanggungjawab dan kemudahan ini telah ditambahbaik dari semasa ke semasa supaya dapat memberi keselesaan kepada pengunjung dan pelancong yang hadir ke Pulau Tuba. Faktor alam sekitar seperti kawasan persekitaran pantai yang tenang juga menjadi asbab utama mengapa Pulau Tuba ini terus menjadi daya tarikan kepada para pelancong untuk datang ke daerah ini mahupun ke Pulau Langkawi, Kedah. Oleh itu, pengkaji berharap agar kawasan alam sekitarnya seperti kawasan perkuburan Tok Janggut, Gua Kelawar dan puncak gunung yang terdapat di Pulau Tuba ini yang menjadi daya tarikan utama pelancong dapat dikekalkan untuk pelancong yang datang ke kawasan berkenaan. Hal ini kerana, warisan alam semulajadi terutamanya yang tidak terpelihara dan dijaga keasliannya akan rosak dan tercemar dan ini boleh menyebabkan kerugian dalam sektor pelancongan yang berasaskan warisan.

Selain itu, usaha dalam mempromosikan kawasan pelancongan Pulau Tuba ini perlu dipergiatkan lagi dari semasa ke semasa untuk meningkatkan lagi bilangan pelancong yang datang ke dalam negara terutamanya di kawasan kepulauan Pulau Tuba, Langkawi dengan menjalankan promosi pelancongan bersifat warisan dan keindahan alam semulajadi di kawasan berkenaan. Cadangan ini perlulah dititiberatkan dan pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan juga berperanan dalam mempromosikan Pulau Tuba seperti Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), agensi-agensi swasta dan NGO yang berkaitan amatlah diperlukan bagi melaksanakan usaha mempromosikan Pulau Tuba ini ke peringkat yang lebih tinggi. Usaha yang dilakukan ialah untuk melihat penambahbaikan dan pertambahan bilangan para pelancong terutamanya pelancong dalam negara dan seterusnya pelancong asing bertujuan untuk menjana ekonomi pendapatan negara.

Masyarakat setempat juga perlu berganding bahu dengan usaha kerajaan dalam membawa Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di dunia. Sikap ramah-tamah dan berbudi bahasa semasa kehadiran pelancong asing dapat memberi keselesaan untuk mereka berkunjung semula ke tempat pelancongan tersebut. Rakyat tempatan sendiri yang merancang untuk bercuti dan melancong dan Pulau Tuba, Langkawi serta telah menjadi pulau tersebut sebagai tempat tujuan pelancongan. Masyarakat atau penduduk setempat Pulau Tuba perlu sentiasa berusaha dalam mempromosikan pulau tersebut kepada masyarakat luar supaya menjadi destinasi utama pelancongan. Melancong dalam negara dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman malah mengetahui keunikan budaya dan warisan yang masih terdapat di sesebuah tempat pelancongan.

Di samping itu, masyarakat terutamanya individu itu sendiri berperanan dalam mengekalkan warisan yang sedia ada seperti warisan alam semulajadi yang terdapat di Pulau Tuba supaya dapat dikekalkan sehingga ke generasi akan datang. Sebagai contoh, sesebuah masyarakat atau individu itu sendiri mestilah mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan sejarah di tempat tersebut dan mencari punca tarikan bagi pelancong untuk mengunjungi Pulau Tuba dalam masa yang sama akan menjadi tumpuan utama destinasi pelancongan.

5.2.2 Cadangan Kepada Pihak Kerajaan Terhadap Pelancongan Pulau Tuba

Pihak kerajaan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan lagi kemajuan sesebuah sektor pelancongan terutamanya di kawasan kepulauan yang terpencil dan kurang dikenali masyarakat luar. Hal ini kerana, inisiatif daripada pihak kerajaan sahaja dapat membangunkan sesebuah destinasi pelancongan tersebut terutamanya yang berasaskan pelancongan warisan kerana melibatkan kos yang tinggi dalam proses pemuliharaannya dan memerlukan pakar dalam menjaga sesebuah warisan tersebut. Oleh itu, pihak kerajaan perlulah memastikan penjagaan yang rapi bagi sesebuah destinasi pelancongan warisan kerana ia mampu mendatangkan hasil dan dapat menjana ekonomi negara jika diberikan perhatian yang lebih. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan perlu mengangkat Pulau Tuba sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai kesan warisan supaya dapat dijadikan sebagai tempat pelancongan yang terkenal di mata masyarakat dan warisan yang sedia ada dapat dipelihara dengan baik.

Pihak kerajaan dan pihak swasta perlulah melakukan pelbagai usaha untuk memperkenalkan Pulau Tuba di mata dunia. Kerajaan perlulah merencanakan lagi aktiviti promosi untuk menarik lebih ramai pelancong asing datang ke pulau ini. Kementerian Pelancongan misalnya perlulah mempromosikan destinasi pelancongan yang menarik seperti kebudayaan dan karnival jualan barang-barang keluaran tempatan secara besar-besaran. Kempen Cuti-Cuti Malaysia dan Tahun Melawat Malaysia juga perlu dijalankan setiap tahun untuk mempromosikan Pulau Tuba luar negara terutamanya bagi sektor pelancongan warisan. Usaha-usaha untuk memperkenalkan Pulau Tuba inisebagai destinasi pelancongan di seluruh dunia hanya boleh dilakukan melalui penggunaan teknologi maklumat iaitu jaringan internet dan rakyat Malaysia sendiri yang berada di luar negeri atau negara atas tujuan kerjaya, melanjutkan pelajaran dan lain-lain lagi. Dengan menggunakan internet, semua pelancong dapat memperoleh maklumat dengan jelas mengenai destinasi pelancongan di Pulau Tuba dan mampu menjadi daya tarikan kepada pelancong untuk mengunjungi pulau.

Pihak kerajaan dan swasta perlulah mempelbagaikan usaha dan kempen untuk mempergiatkan lagi aktiviti pelancongan. Industri ini juga merupakan penyumbang utama pendapatan negara untuk jangka masa yang panjang. Kejayaan dalam sektor pelancongan ini dapat direalisasikan sekiranya semua pihak berganding bahu dalam memajukan industri pelancongan terutamanya pelancongan warisan yang terdapat di Pulau Tuba secara bersama-sama. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pihak kerajaan dan juga pihak swasta amat penting dalam perkembangan sesebuah sektor pelancongan terutamanya kawasan pulau dengan mempromosikannya secara besar-besaran.

5.3 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Pulau Tuba, Langkawi, Kedah adalah salah satu destinasi yang sesuai bagi mereka yang mencintai alam semulajadi seperti pantai dan menggemari aktiviti lasak seperti mendaki, *jungle trekking* serta mendalami setiap hidupan yang terdapat di dalam kawasan hutan, gunung-ganang dan juga gua di pulau berkenaan. Pulau Tuba, Langkawi juga memiliki produk pelancongan yang mempunyai sejarah yang tersendiri dan setiap kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti kemudahan *homestay*, *resort*, motel, pengangkutan, jalan raya, tandas awam dan sebagainya. Pulau Tuba yang mempunyai sejarah dan latar belakang alam semulajadi ini perlulah dijaga dengan rapi dan tidak diganggu oleh mana-mana pihak demi memastikan keasliannya dapat dijaga dan dipelihara dengan baik. Terdapat pelbagai usaha dalam penambahbaikan perlu dijalankan bagi mengekalkan dan memajukan kawasan tersebut agar dapat menarik lebih ramai pelancong dan menjadikan Pulau Tuba sebagai produk pelancongan warisan.

Pembangunan di Pulau Langkawi khususnya di Pulau Tuba memerlukan usaha daripada pelbagai pihak seperti pihak kerajaan, pihak swasta, NGO dan sebagainya yang bertanggungjawab dalam membangunkan Pulau Langkawi. Pulau Tuba bukan sahaja menjadi daya tarikan melalui keindahan alam semulajadi malah juga menjadi tumpuan disebabkan oleh peranan penduduk kampung dan komuniti setempat yang bersikap peduli dan banyak membantu pihak kerajaan dalam merealisasikan usaha bagi

pembangunan pelancongan warisan di kawasan tersebut. Kemajuan dan kemudahan yang ada di Pulau Tuba adalah melalui bantuan daripada kerajaan negeri yang dilihat telah menghulurkan dana dalam mempromosikan Pulau Tuba. Masyarakat setempat juga telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dengan memperkenalkan lagi Pulau Tuba kepada masyarakat luar menerusi pelbagai platform.

Di samping itu, masyarakat terutamanya individu itu sendiri berperanan dalam mengekalkan warisan yang sedia ada seperti warisan alam semulajadi yang terdapat di Pulau Tuba supaya dapat dikekalkan sehingga ke generasi akandatang. Sebagai contoh, sesebuah masyarakat atau individu itu sendiri mestilah mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan sejarah di tempat tersebut dan mencari punca tarikan bagi pelancong untuk mengunjungi Pulau Tuba dalam masa yang sama akan menjadi tumpuan utama destinasi pelancongan.

5.3.1 Cadangan Kepada Pihak Kerajaan Terhadap Pelancongan Pulau Tuba

Pihak kerajaan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan lagi kemajuan sesebuah sektor pelancongan terutamanya di kawasan kepulauan yang terpencil dan kurang dikenali masyarakat luar. Hal ini kerana, inisiatif daripada pihak kerajaan sahaja dapat membangunkan sesebuah destinasi pelancongan tersebut terutamanya yang berasaskan pelancongan warisan kerana melibatkan kos yang tinggi dalam proses pemuliharaannya dan memerlukan pakar dalam menjaga sesebuah warisan tersebut. Oleh itu, pihak kerajaan perlulah memastikan penjagaan yang rapi bagi sesebuah destinasi pelancongan warisan kerana ia mampu mendatangkan hasil dan dapat menjana ekonomi negara jika diberikan perhatian yang lebih. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan perlu mengangkat Pulau Tuba sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai kesan warisan supaya dapat dijadikan sebagai tempat pelancongan yang terkenal di mata masyarakat dan warisan yang sedia ada dapat dipelihara dengan baik.

Pihak kerajaan dan pihak swasta perlulah melakukan pelbagai usaha untuk memperkenalkan Pulau Tuba di mata dunia. Kerajaan perlulah merencanakan lagi

aktiviti promosi untuk menarik lebih ramai pelancong asing datang ke pulau ini. Kementerian Pelancongan misalnya perlulah mempromosikan destinasi pelancongan yang menarik seperti kebudayaan dan karnival jualan barang-barang keluaran tempatan secara besar-besaran. Kempen Cuti-Cuti Malaysia dan Tahun Melawat Malaysia juga perlu dijalankan setiap tahun untuk mempromosikan Pulau Tuba luar negara terutamanya bagi sektor pelancongan warisan. Usaha-usaha untuk Hal ini telah membuktikan bahawa pembangunan bagi sesebuah pelancongan yang berkembang maju perlu selaras dengan misi dan matlamat asalnya supaya tidak tersasar jauh. Jika berlaku perkara yang sedemikian dilihat akan menjejaskan dan mengakibatkan segala perancangan bagi pembangunan sesebuah destinasi pelancongan seperti berlaku pembaziran dana yang telah disumbangkan oleh pihak kerajaan atau mana-mana NGO, sumber tenaga kerja yang telah disia-siakan, pencemaran alam, kerosakan harta benda dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji berharap agar usaha-usaha pihak yang telah terlibat dalam pembangunan sektor pelancongan di Pulau Tuba, Langkawi ini mendapat penghargaan daripada pelbagai pihak dan setiap pembangun yang sedang diusahakan ini dapat meningkatkan lagi ekonomi negara serta mendatangkan keuntungan bagi semua pihak termasuklah bagi masyarakat setempat.

Akhir sekali, pengkaji juga berharap agar semua pihak termasuklah masyarakat setempat dapat mengekalkan keindahan alam semulajadi yang terdapat di Pulau Tuba, Langkawi supaya dapat menarik minat dan menjadi tumpuan para pelancong samada dari dalam negara mahupun luar negara dan seterusnya dapat menjadikan Pulau Tuba lebih terkenal pada masa akan datang. Oleh itu, setiap pihak terutamanya komuniti setempat bukan sahaja boleh menjana pendapatan melalui perniagaan termasuklah menyediakan penginapan buat pelancong dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada generasi kini tetapi juga kepada generasi akan datang serta dalam masa yang sama dapat mengekalkan warisan yang masih ada di kawasan berkenaan.

BIBLIOGRAFI

- Abd Halim, N. I. B., & Choy, E. A. (2019). Hubungkait Peranan Pihak Kerajaan Dan Pihak Industri: Pembangunan Ekopelancongan Di Pulau Langkawi, Kedah. *e-Bangi*, 16, 1-13.
- Berger, M. M. (2015). "Don't Get Sick At Sea": An Ecological Study Of The Fishermen Of Pulau Tuba, Langkawi, *Malaysia*".
- Beach, L. (2012). Impak Pembangunan Pelancongan Terhadap Destinasi Pantai Kajian Kes: Pantai Cenang, Langkawi.
- Darulaman, K. Langkawi Homestay: Exploring an Innovation Aspect in Homestay Industry.
- Ghazali, N., Ibrahim, N., & Yusoff, M. F. M. (2017). Pembangunan Etos Budaya Etnik Melayu Mengharungi Pemodenan: Kajian Kes Di Pulau Tuba, Langkawi. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1).
- Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2007). Penubuhan Geotaman Langkawi: Kesan Kepada Industri Pelancongan Langkawi. *Persidangan Geografi Kebangsaan UPSI*.
- Ibrahim, J. A., dan Sains, K. S., & Ahmad, M. Z. (2011). Pelancongan Langkawi 1987-2010: Pencapaian Dan Cabaran Masa Depan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VI*, 603.

- Leman, M. S. (2010). Pemuliharaan Geowarisan di Langkawi Geopark, Malaysia. *Akademika*, 80, 19-30.
- Mapjabil¹, J., Rosdi¹, S. A. M., Shuib¹, M., & Abdullah, S. (2011). Pembangunan Program Homestay Di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, Produk Dan Prospek. *Malaysian Journal Of Society And Space*, 7(2), 45-54.
- Md Saad, S., Md Fauzi, F., & Ahmad, A. A. (1999). Asas Keusahawanan (ETR 300): Teratak Lagenda Chaley (TLC).
- Mohamed, K. R., Ali, C. A., Senawi, J., Ayob, K. A. K., & Derahman, A. (2017). Pemetaan Gua di Langkawi UNESCO Global Geopark: Status dan Potensi Geopelancongan (In Malay), Cave mapping at Langkawi UNESCO Global Geopark: Status and geotourism potential.
- Omar, M., & Yussof, I. Transisi Demografi Dan Cabaran Pembangunan Lestari Di Pulau Tuba, Langkawi.
- Omar, M., & Yussof, I. (2006). Demographic transition and challenges for sustainable development in Pulau Tuba, Langkawi, Malaysia. *e-Bangi*, 3(1), 1-22.
- Omar, M., & Yussof, I. Transisi Demografi Dan Cabaran Pembangunan Lestari Di Pulau Tuba, Langkawi.
- Samad, S., Shukor, M. S., & Salleh, N. H. M. (2013). Impak Pembangunan Industri Pelancongan Kepada Komuniti Di Pulau Langkawi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)*.

Samsudin, M., & Mohamad, S. (2013). Pengaruh Warisan Sejarah Dalam Industri Pelancongan Langkawi. *International Journal Of The Malay World And Civilisation*, 1(1), 99-109.

Yussof, I., Omar, M., & Saat, G. (2007). Impak Pembangunan Langkawi ke atas Corak Pekerjaan dan Guna Tenaga di Pulau Dayang Bunting, Langkawi. *Journal e-Bangi*, 2(2), 16-32.

LAMPIRAN**SOALAN TEMUBUAL****(Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Pulau Tuba)**

1. Adakah terdapat sejarah yang khusus tentang pembentukan Pulau Tuba?
2. Apakah yang menyebabkan Pulau Tuba mula dikenali dan dikunjungi oleh parapelancong?

(Mengkaji Potensi Pulau Tuba Sebagai Salah Satu Produk Pelancongan Warisan)

1. Adakah terdapat warisan yang dikekalkan di Pulau Tuba dan apakah warisantersebut?
2. Adakah kedatangan pelancong ke Pulau Tuba disebabkan oleh warisan yangmasih terpelihara.

(Membincangkan Strategi Dan Usaha Mempromosikan Pulau Tuba Kepada Masyarakat Luar)

1. Siapakah orang terpenting dalam memperkenalkan Pulau Tuba kepadamasyarakat luar?
2. Adakah dengan hanya mempromosikan keindahan Pulau Tuba melalui mediasosial dapat meningkatkan jumlah pelancong asing ke Pulau Tuba?
3. Sejauhmanakah “tour guide” dapat memainkan peranan penting dalam mempromosikan keindahan yang terdapat di Pulau Tuba?
4. Adakah pelancong yang menjadikan Pulau Tuba lebih terkenal?